

**PENGUNAAN BAHASA
DALAM PERBILANGAN ADAT PERPATIH**

**NORHANISAH BINTI AB. WAHAB
NO. MATRIK: 36399**

**FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR**

1977

**PENGUNAAN BAHASA
DALAM PERBILANGAN ADAT PERPATIH**

NORHANISAH BINTI AB. WAHAB

NO. MATRIK: 36399

**PROF. NORHALIM HJ. IBRAHIM
KARYAWAN TAMU
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
JALAN DATO' HAMZAH,
70000 SEREMBAN, N.S.D.K.**

**Penulisan Ilmiah ini diajukan untuk
kursus BBM 332: Penulisan Akademik
bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh
Ijazah Bachelo Pendidikan
(Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama)
di Fakulti Pengajian Pendidikan
yang ditawarkan oleh Fakulti Pengajian Bahasa Moden
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
Serdang, Selangor, Darul Ehsan.**

APRIL 1997

PENGESAHAN

**Penulisan Akademik (BBM 332) ini telah
diterima dan diluluskan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat bagi memperoleh
Ijazah Bacelor Pendidikan
(Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama)**

Gred

**PROF. MADYA TAHA ABD. KADIR
(Penyelia)**

**Pensyarah
Jabatan Bahasa
Fakulti Pengajian Bahasa Moden
Universiti Pertanian Malaysia
Serdang, Selangor, Darul Ehsan.**

APRIL 1997

DEDIKASI UNTUK:

*Ayah dan ibu yang sentiasa
mendoakan kejayaanku:
Ab. Wahab b. Manat
Noriah bt. Mohd. Pilus*

*Abang dan adik-adik yang disayangi
Norasikin b. Ab. Wahab
Norhayati bt. Ab. Wahab
Mohd. Redzuan b. Ab. Wahab*

*Serta teman-teman seperjuangan
yang banyak membantu*

*Penakik pisau seraut
ambil galah batang lintubung
seludang ambil ke nyiur
yang setitik jadikan laut
yang sekepal jadikan gunung
alam terkembang jadikan guru.*

*Berburu ke padang datar
dapat rusa berbelangkaki
Berguru kepalang ajar
Bagai bunga kembang tak jadi*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya, saya telah dapat menyempurnakan penulisan ilmiah ini dalam masa yang telah ditetapkan.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Taha Abd. kadir sebagai penyelia yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar serta panduan dalam usaha menyempurnakan penulisan ilmiah ini. Semoga segala usaha dan bimbingan yang ikhlas ini akan mendapat berkat daripada Allah S.W.T.

Pada kesempatan ini juga, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pustakawan-pustakawan di Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia dan Perpustakaan Universiti Malaya kerana memberi peluang kepada penulis membuat rujukan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung khasnya kepada para informan dalam membantu saya menyempurnakan penulisan.

Untuk keluarga tersayang yang telah banyak berkorban, saya merakamkan rasa penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga di atas dorongan dan semangat yang tidak pernah pudar.

'USAHA TANGGA KEJAYAAN'

NORHANISAH BINTI ABD. WAHAB
Bacelor Pendidikan (PBMP)
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Pengajian Bahasa Moden
Universiti Pertanian Malaysia
Serdang, Selangor.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	i
KANDUNGAN	ii
ABSTRAK	v
 BAB I - PENDAHULUAN	 1
Pengenalan	1
Latar Belakang	7
Pernyataan Masalah	14
Objektif Kajian	19
Kepentingan Kajian	20
Batasan Kajian	20
Kaedah Kajian	21
Definisi Operasional	21
Perbilangan	22
Adat Perpatih	23
Bahasa/Gaya Bahasa	24
 BAB II - SOROTAN TERHADAP KAJIAN BERKAITAN	 26
Pengenalan	26
Kajian-Kajian Terdahulu	28
Kesimpulan	46
 BAB III - PENGGUNAAN BAHASA DALAM PERBILANGAN ADAT PERPATIH	 48
Pengenalan	48
Pemilihan Diksi Atau kata-Kata	51

	Halaman	
Contoh dan Pendapat Tokoh-Tokoh Tentang Pemilihan Diksi Atau Kata-Kata Dalam Perbilangan Adat Perpatih	53	
Pengulangan	59	
Contoh dan Pendapat Tokoh-Tokoh Tentang Pengulangan Dalam Perbilangan Adat Perpatih	60	50,44
Perlambangan	63	
Contoh dan Pendapat Tokoh-Tokoh Tentang Perlambangan Dalam Perbilangan Adat Perpatih	64	28
Kesimpulan	74	
BAB 1V - ANALISIS PENGGUNAAN BAHASA DALAM PERBILANGAN ADAT PERPATIH	76	
Pengenalan	76	
Pemilihan Diksi Atau Kata-Kata Dalam Perbilangan Adat Perpatih	78	
Bahasa Denotatif	82	
Bahasa Konotatif	85	
Pengulangan Dalam Perbilangan Adat Perpatih	90	
Unsur Anafora	91	
Unsur Epifora	98	
Unsur Simplok	103	
Unsur Responsi/Mesodiplosis	106	
Unsur Asonansi	113	
Unsur Aliterasi	115	

	Halaman
Perlambangan Dalam Perbilangan Adat	
Perpatih	117
Unsur Personafikasi dan Figuratif	119
Unsur Metafora	122
Unsur Simile	127
BAB V - KESIMPULAN DAN CADANGAN	131
Pengenalan	131
Syor/Saranan	134
Penutup	137
BIBLIOGRAFI	138
LAMPIRAN	
Lampiran 1	
Lampiran 2	
Lampiran 3	
Lampiran 4	
Lampiran 5	
Lampiran 6	

ABSTRAK

Tajuk:

PENGUNAAN BAHASA DALAM PERBILANGAN ADAT PERPATIH

Oleh:

**NORHANISAH BT. ABD. WAHAB
(36399)**

Kajian ini mengemukakan satu analisis ke atas perbilangan Adat Perpatih khususnya dalam aspek penggunaan gaya bahasa dalam perbilangan adat. Kajian ini bertujuan untuk mengutarakan perbilangan Adat Perpatih kerana di dalamnya terkandung unsur-unsur yang boleh dijadikan panduan kepada masyarakat. Akibat tidak menghiraukan kata-kata yang mengandungi falsafah dan kebenaran serta mengamalkan perakuan dan peraturan dalam perbilangan adat maka berlakunya kepincangan masyarakat seperti hari ini. Di samping itu juga, gaya bahasa yang terungkap begitu halus dan indah serta memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat pengamal adat itu sendiri.

Analisis gaya bahasa pula mendapati banyak unsur pengulangan dalam perbilangan Adat Perpatih. Unsur-unsur pengulangan itu ialah anafora, epifora, simplok, mesodiplosis, anadiplosis, aliterasi dan asonansi. Gaya bahasa perlambangan juga wujud dalam perbilangan Adat Perpatih. Kehadirannya, menceriakan lagi perbilangan adat kerana gaya bahasa menggerakkan perkaitan perasaan dan pemikiran dengan unsur-unsur alam disamping keindahannya serta kebenaran kata-katanya.

Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa Adat Perpatih merupakan peraturan lisan yang berdasarkan perbilangan adat. Masyarakat yang mengamalkannya perlu memahami serta mengupas maksud perbilangan adat yang hendak disampaikan sebelum mengamalkannya.

BAB IV

ANALISIS PNGGUNAAN BAHASA DALAM PERBILANGAN ADAT PERPATIH

Pengenalan

Kelahiran Adat Perpatih sejak sekian lama telah menyuguhkan ungkapan kata-kata adat atau lebih dikenali sebagai perbilangan Adat Perpatih yang penuh atau kaya dengan nilai estetika bagi memerikan seluruh perjalanan adat. Bermula dari terbitnya adat sehinggalah untuk menyatakan sistem ekonomi, politik dan sosial masyarakat Adat Perpatih.

Perbilangan adat dan Adat Perpatih merupakan elemen yang padu dan suatu ikatan yang kukuh, tidak boleh diungkai lagi. Penulis mendapati ungkapan perbilangan yang dicipta oleh pengasasnya merangkumi keseluruhan perjalanan Adat Perpatih. Ini kerana perbilangan adat dicipta dalam bentuk rangkaian kata yang mudah dan ringkas namun penuh dengan saranan yang bermakna.

Struktur kata-kata perbilangan adat yang sedemikian cukup sesuai, untuk diingati atau dihafal oleh setiap generasi sejajar dengan tarafnya sebagai tradisi lisan. Tegasnya, apa sahaja bentuk unsur kehidupan pengamal Adat Perpatih boleh digali dengan kerja mengumpul dan menganalisis kata-kata perbilangannya. Oleh kerana itu, penggunaan ungkapan kata-kata perbilangan adat adalah sebagai pelengkap yang mengunci sendi adat agar bertambah kukuh dan kental.

Tambahan pula perbilangan Adat Perpatih adalah lambang ketinggian pemikiran orang Melayu khususnya di Negeri Sembilan. Ini disebabkan penggunaan bahasa dalam kata-kata perbilangan. Adat Perpatih ditunjangi dengan beberapa unsur yang menjadikannya begitu kental dan mantap. Jelas dapat dilihat, melalui diksi yang digunakan untuk mengungkapkan pemikiran yang sarat dengan pengertian mendalam. Justeru itu, kemantapan bahasa dalam perbilangan Adat Perpatih tidak boleh diubah-ubah. Jika keadaan ini berlaku maka maksud yang hendak disampaikan hilang. Wujud perbilangan adat menegaskan keadaan tersebut.

*Dianjak layu
Dianggor mati*

(Ibrahim Atin, 1959 : 26)

Perbilangan adat tersebut jelas menggambarkan tidak membenarkan usaha untuk mengubah ketetapan kata adat yang telah diterima oleh semua ahli masyarakat Adat Perpatih sejak lebih lima ratus tahun bertapak di sini. Jika terdapat cubaan untuk *menganjak* atau *mengubah* adat itu atau kata-kata perbilangan maka ia akan layu. Apabila dianggor (dicabut) dan digantikan dengan kata-kata lain maka makna sebenar akan hilang.

Dengan itu, perbilangan adat harus difahami berdasarkan hubungan makna yang tersurat dan tersirat. Jika, hanya wujud pemahaman terhadap bentuk luar perbilangan adat tersebut akan menyebabkan tafsiran itu terlepas daripada ikatan makna sebenar. Tegasnya, bukan mudah untuk semua golongan masyarakat memahami dan menghuraikan ungkapan kata perbilangan adat ini.

Tambahan pula, ungkapan kata-kata perbilangan adat tidak boleh ditafsir mengikut sewenang-wenangnya tanpa membuat sebarang rujukan, penyelidikan atau kajian yang teliti bagi memastikan tafsiran tersebut benar-benar mengikut lunas makna sebenar yang difahami oleh masyarakat Adat Perpatih. Ini kerana, sejarah telah membuktikan salah faham yang timbul terhadap pengamal Adat Perpatih sekarang berpunca daripada pengambilan kata-kata adat secara ditebuk-tebuk atau dikuis-kuis macam *memilih antah di dalam beras*.

Justeru itu, dalam meneliti kata-kata perbilangan adat adalah umpama melalui sebatang jambatan merentasi sungai yang lebar. Jambatan kata-kata inilah yang dapat menyerlahkan alam pemikiran manusia Melayu melalui proses bahasa yang dilahirkan melalui kata-kata perbilangan adat. Ini kerana, pemilihan setiap kata dalam perbilangan merupakan satu kerja yang dilaksanakan dengan penuh hati-hati agar ia sentiasa segar dan sesuai dipakai sepanjang zaman, seperti yang disebut dalam perbilangan:

*Yang elok dipakai,
Yang buruk dibuang,
Adat dipakai baru,
Kain dipakai usang.*

(Mohd. Yusof Md. Nor, 1994 : 410)

Pemilihan Diksi Atau Kata Dalam Perbilangan Adat Perpatih

Kata-kata yang dipakai dalam perbilangan Adat Perpatih sama pentingnya dengan mesej yang hendak disampaikan. Sehubungan dengan itu, pengertian pilihan kata atau diksi jauh lebih luas dari apa yang dipantulkan oleh jalinan kata-kata itu (Gorys Keraf, 1984 : 23).

Pemilihan dan penyusunan kata-kata dalam perbilangan adat melambangkan jatidiri pencipta dan pengamalnya, iaitu dengan memaparkan kehalusan rasa, kemesraan tutur kata dan kelembutan budi bicara orang Melayu yang bervariasi sifatnya. Hal ini, menunjukkan yang benar-benar dipentingkan bukan keseragaman kata tetapi idea atau falsafah yang tersembunyi di sebalik lipatan kata-kata tersebut (Nordin Selat, 1975 : 2). Dalam hal pemilihan kata, perbilangan Adat Perpatih lebih cenderung dalam mengungkapkan ujaran dengan memakai kata-kata yang mudah, neutral dan dipakai untuk kegunaan sehari-hari. Kata-kata yang dipilih langsung terus kepada maksud, tidak meleret-leret dan meninggalkan kesan yang mendalam kepada pendengar dan pembacanya. Berhubung dengan pemilihan kata yang agak sukar untuk diklasifikasikan pernah dinyatakan oleh Mohd. Sidin iaitu:

"Pemilihan kata yang baik penting bagi kita menyampaikan maksud sebenar kepada pembaca. Pilihan itu sentiasa dibuat dengan rujukan kepada ayat-ayat tertentu. Pemilihan yang dibuat itu biasanya mestilah dilihat dari segi kesesuaian dan pengkhususannya. Sesetengah perkataan hanya sesuai untuk sesuatu situasi tersebut".

(Mohd. Sidin Ishak, 1992 : 130)

Pemilihan diksi perbilangan adat kaya dengan nilai estetika yang tinggi serta merupakan lambang keunggulan penciptanya, yang disebabkan dengan luasnya kosa kata yang dikuasainya. Mereka yang luas kosa katanya akan memiliki kemampuan yang tinggi dan mudah bagi dia untuk memilih setepat-tepatnya kata mana paling harmonis atau yang mewakili maksud atau gagasannya (Gorys Keraf, 1984 : 24).

Penggunaan kata selain daripada penggunaan bahasa Melayu dalam perbilangan Adat Perpatih yang dianalisis, terdapat juga penggunaan kata bahasa Arab, bahasa Sanskrit dan bahasa Melayu klasik. Dengan ini secara tidak langsung menggambarkan perbilangan adat ini adalah fleksible dan mengikut peredaran zaman serta telah mengekalkan beberapa diksi mengikut zaman yang telah dilaluinya, contohnya adalah seperti berikut:

"Adat dengan pesaka belum diadakan"
"Alim biasa menghukumnya shara"
"Raja berkhalfah"
"Kelebihan nabi dengan mukjizat"
"Ketiga adat kitabu'llah iaitu hukum kor'an"

(Mohamed Din Ali, 1957 : 55-58)

Perbilangan adat di atas banyak mengungkapkan perkataan atau ungkapan daripada bahasa Arab. Perkataan atau ungkapan itu mudah difahami oleh masyarakat adat kerana bahasa tersebut telah diserap masuk ke dalam bahasa Melayu. Di samping itu ia juga menggambarkan masyarakat Melayu telah mula menerima ajaran agama Islam. Selain daripada itu, pemilihan kata dapat memberi kefahaman kepada orang yang membaca perbilangan adat itu serta menjelaskan lagi maknanya. Misalnya, istilah *adat* adalah berasal dari perkataan Arab yang bererti kelaziman atau kebiasaan. Sementara dari segi bahasa (makna) pula *adat* diertikan sebagai satu peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun dalam satu masyarakat sehingga ia merupakan hukuman atau peraturan yang harus dipertahankan (Norhalim, 1993 : 11). Begitu juga perkataan *alim*, *khalifah*, *nabi*, *mukjizat*, *kitabu'llah* dan *kor'an* jelas

memperlihatkan perkataan Arab yang telah diserap masuk ke dalam bahasa Melayu atau lebih tepat lagi ke dalam perbilangan Adat Perpatih.

Selain daripada itu, bahasa Sanskrit juga terdapat dalam perbilangan Adat Perpatih. Contohnya:

*"Yang di bawah langit dan di muka bumi"
"Raja berdaulat dalam alamnya"*

(A. Caldecott, 1918 : 20-22)

Bahasa Sanskrit yang digunakan dalam perbilangan di atas ialah perkataan *bumi* dan *raja*. Perkataan Sanskrit yang sedikit menggambarkan bahawa perbilangan adat adalah hak masyarakat Melayu dan tidak terpengaruh dengan kepercayaan yang lain.

Bahasa Melayu klasik yang digunakan dalam perbilangan adat ini adalah seperti berikut:

Kambing biasa membebek.
 Kerbau biasa menguak,
 Ayam biasa berkokok,
 Murai biasa berkichau,
 Penghulu biasa menghukumkan adat,
 Alim biasa menghukumkan shara',
Hulubalang biasa menjarah
 Juara biasa melepas
 Saudagar biasa bermain bungkal teraju

Raja sakeadilan,
 Penghulu saundang,
 Tua salembaga,
 Waris sapesaka,
 Ibu - buapak saadat,
 Tempat semenda satu shahadat,
 Orang semenda saresam,
 Raja *berdaulat*
 Penghulu berandika:

Raja Bertitah,
 Penghulu bersabda:
 Raja berkhalfah,
 Penghulu bersuku,
 Undang berkelantasan
 Lembaga bersekat:
 Raja bersejarah,
 Penghulu bersalasilah,
 Lembaga berterombo,
 Raja berdaulat dalam alamnya,
 Penghulu *bernobat* dalam sukunya
 Buapak *bernobat* dalam anak buahnya,
 Orang banyak *bernobat* dalam terataknya.

(Mohamed Din Ali, 1957 : 56)

Perkataan bahasa Melayu klasik dalam perbilangan tersebut ialah *hulubalang*, *berdaulat* dan *bernobat*. Penggunaan bahasa Melayu klasik disebabkan Adat Perpatih diamalkan sejak sebelum kedatangan agama Islam ke Nusantara ini. Perkataan-perkataan *hulubalang*, *berdaulat*, *bernobat* dan mahar adalah berkaitan dengan sistem pemerinthan Kerajaan Melayu suatu ketika dahulu. *Hulubalang* menggambarkan tentera kerajaan atau tunggak kesejahteraan dan keselamatan sesebuah negeri atau negara. Mereka bertugas untuk mengawal keselamatan pemerintah dan rakyat serta negara mereka daripada ancaman atau serangan musuh. *Berdaulat* pula ialah ciri-ciri yang ada pada raja yang agung sementara *bernobat* ialah upacara bertakhta atau seseorang itu telah dinaikkan tarafnya sebagai pemerintah atau raja di sesebuah negeri.

Bahasa Denotatif

Bahasa denotatif mempunyai makna yang jelas, tepat dan khusus atau selapis. Dalam perbilangan Adat Perpatih terdapat perbilangan yang mempunyai makna yang jelas. Contohnya:

*Adat bersendi hukum,
 Hukum bersendi kitabu'llah,
 Kuat adat, ta' gadoh hukum,
 Kuat hukum ta' gadoh adat,
 Ibu hukum muafakat,
 Ibu adat muafakat.*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 58)

Perbilangan di atas mempunyai makna yang jelas. Pendukung adat dapat memahami maksudnya dengan cepat dan jelas. Perbilangan adat itu semuanya berkisar tentang hukum adat. *Adat bersendi hukum* dan *'hukum bersendi kitabu'llah'* bermaksud hubungan antara adat dan syarak Islam adalah saling melengkapi iaitu setiap hukum adat itu hendaklah berdasarkan atau bersandarkan kepada hukum syarak dan hukum syarak pula dipetik atau diambil daripada kitab Allah. Di samping itu pula, hukum adat hendaklah bersesuaian dengan hukum syarak. *'Muafakat'* pula ialah ciri yang penting dalam menentukan hukum iaitu satu proses mencari sesuatu keputusan. Hal ini jelas dinyatakan dalam *'Ibu hukum muafakat'* dan *'Ibu adat muafakat'*. Antara lain, maksudnya ialah sesuatu adat yang diamalkan tidak boleh dipinda atau diubah sesuka hati kecuali secara muafakat malah perubahan-perubahan itu harus sesuai dengan keadaan masa dan waktunya, maka itulah yang dikatakan *ibu adat muafakat*. Malah setiap peraturan adat adalah dimestikan tidak tergelincir daripada landasan agama kerana "*adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabu'llah*".

*Alam beraja,
 Luak berpenghulu,
 Suku bertua (berlembaga)
 Anak buah beribu-bapak.*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 55)

Masyarakat adat mempunyai jawatan-jawatan tertentu yang kebanyakan mempunyai atau membawa gelaran tersendiri. Perbilangan adat di atas jelas menggambarkan atau memperlihatkan jawatan-jawatan yang disandang oleh individu yang terpilih dalam masyarakat pendukung adat. Jawatan tersebut ialah Kadim (Ketua rumpun), Besar (Ketua ruang), Buapak (Ketua perut) dan Lembaga (Ketua suku). Setiap ketua ini berkuasa, berperanan dan bertanggungjawab dalam kelompok kekeluargaan masing-masing. Dengan ini secara tidak langsung perbilangan adat itu dapat menggambarkan struktur organisasi politik Adat Perpatih.

*Berat sama dipikul,
Ringan sama dijinjing,
Hati kuman sama dicecah,
Hati gajah sama dilapah,
Ke bukit sama didaki,
Ke lurah sama dituruni.*

(Hashim A. Ghani, 1974 : 13)

Perbilangan di atas mempunyai makna jelas, tepat dan khusus (denotatif) perkataan *berat* disetarakan dengan pikul dan perkataan *ringan* disetarakan dengan jinjing. Sememangnya 'berat' untuk dipikul dan *ringan* untuk dijinjing. Jelaslah kehadiran perkataan (diksi) ini tidak boleh ditukar ganti dengan kata atau perkataan lain. Tambahan pula, ungkapan ini telah acapkali digunakan oleh masyarakat Melayu keseluruhannya dan bukan hanya tertumpu kepada masyarakat adat di Negeri Sembilan sahaja. Perbilangan ini antara lain memperlihatkan satu haluan, satu perkataan dan satu perjuangan sesama setia misalnya membuat sesuatu pekerjaan itu haruslah bersama-sama dan tiada wujudnya perasaan hasad dengki dalam menuju matlamat atau arah yang sama.

Pendek kata merujuk kepada persahabatan, rumahtangga atau suami isteri (Mohamed Din, 1957 : 25). Perkara ini, lazim dipakai menunjukkan tujuan sepakat antara orang semenda menyemenda (perkahwinan) dan juga antara orang semenda dengan orang tempat semenda atau dipakai juga atas pakatan antara seseorang atas nama dirinya dengan rakannya. Pakatan dan perjuangan yang dituntut oleh perbilangan adat ini ialah keteguhan setia dan ketahanan hati sama ada di dalam susah, senang dan rugi laba dan sebagainya.

Bahasa Konotatif

Bahasa Konotatif pula mempunyai hubungan makna yang lebih luas tersirat atau berlapis, daripada makna yang khusus. Ini disebabkan sifat perkataan atau ungkapan yang digunakan berupa perbandingan.

*Orang semenda bertempat semenda,
Jika cherdek, teman berunding,
Jika bodoh, di suruh arah,
Tinggi, banir, tempat berlindung,
Rimbun dahan, tempat bernaung.*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 64)

Perbilangan adat di atas berkaitan dengan orang semenda yang mempunyai tanggungjawab menjaga maruah keluarga isterinya, hinggakan orang semenda yang bodoh pun masih berguna kepada mereka sekalipun sekadar *disuruh arah*. Walau bagaimanapun ungkapan *disuruh arah* mempunyai hubungan makna yang lebih luas atau makna tersirat yang mana kadang kala menimbulkan kekeliruan, sehingga berlaku pihak orang tempat semenda mahu memerintah *orang semenda*. Akibatnya berlaku perbalahan yang menyebabkan penceraian antara pasangan suami isteri

apabila wujud campur tangan keluarga lelaki pihak isterinya. Salah tafsiran ini kerap kali berlaku *orang semenda* dianggap *mentimum dengan durian* kepada orang tempat semenda (keluarga isterinya). Walhal, aturan adat meletakkan maratabat orang semenda itu : *Jika cerdik tempat berunding*. Tanggapan bahawa orang semenda sebagai pendatang juga merupakan tafsiran yang salah. Dengan ini, secara tidak langsung masyarakat luar daripada lingkungan Adat Peratih menganggap Adat Perpatih sebagai ketinggalan zaman. Sementara ungkapan tinggi banir, tempat berlindung dan rimbun dahan, tempat bernaung pula menggambarkan sekiranya orang semenda itu kaya, orang tempat semenda boleh menumpang hidup dengannya.

*Dahaga dahagi,
Sumbang salah,
Rebut rampas,
Siar bakar,
Maling churi,
Kichang kichoh,
Upas rachun,
Tikam bunoh,
Samun sakal,
Pantang kepada adat.*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 61)

Perbilangan di atas berkaitan dengan anggota masyarakat yang telah melakukan kesalahan dan hukuman akan dikenakan selepas dipastikan kesalahan itu dilakukan. Setiap ungkapan yang digunakan bukan menggambarkan maknanya secara harafiah tetapi memberikan maksud lain (konotasi). Misalnya: *dahaga, dahagi* secara leksikal bermaksud haus atau berasa kering kerongkongan dan ingin minum tetapi menurut adat adalah sebaliknya. *Dahaga* bermaksud perbuatan melawan dengan sengaja Ketua Adat yang menjalankan tugas, sementara 'dahagi' pula ialah Ketua Adat yang membuat tuduhan palsu kepada anak buahnya.

Begitu juga dengan *sumbang salah* yang antara lainnya membawa maksud iaitu kelakuan yang tidak tertib di khalayak ramai dan *salah* pula membawa maksud unsur paksaan ke atas orang lain supaya dapat melakukan perbuatan sumbang itu atau yang memaksakan seseorang dengan kekerasan supaya melakukan perbuatan yang tidak sopan. *Rebut rampas* pula bermaksud mengambil harta orang lain dengan cara menipu (*rebut*) sementara *rampas* ialah mengambil harta orang dengan cara paksa. *Siar bakar* ialah memusnahkan harta benda orang lain dengan menggunakan api. *Kichang kichoh* ialah menghasut orang lain supaya melakukan kekacauan sehingga mengganggu ketenteramn orang lain. *Upas rachun* pula ialah menggunakan racun untuk menyakitkan dan membunuh orang lain. *Tikam bunoh* ialah melukakan atau membunuh seseorang sehingga menyebabkan kematian. *Samun sakal* ialah menggunakan kekerasan untuk merompak atau merampas harta benda orang lain dan sanggup melakukan pembunuhan semasa aktiviti itu dijalankan. Jelas kepada kita, bahawa semua perlakuan yang dinyatakan adalah kesalahan berat dan orang yang melanggar adat tidak boleh lari daripada dikenakan hukuman oleh Ketua Adat. [Mohamed Din Ali (1957), dan Mohd. Yusof Md. Nor (1994)].

*Biar mati anak,
Jangan mati Adat*

(Hashim A. Ghani, 1974 : 10)

Perbilangan adat di atas, menggambarkan atau memperlihatkan bahawa Adat Perpatih adalah suatu sistem undang-undang yang adil. Keadilan tersebut boleh diibaratkan begini : katakan seorang ayah yang menjadi pemimpin misalnya Lembaga atau Penghulu hatta Raja sekalipun,

apabila mendapati anaknya sendiri melakukan kesalahan sama ada kecil atau besar yang mana boleh mengancam keselamatan negara, maka si ayah mestilah menjalankan keadilan yang dituntut oleh adat. Diksi *mati* di sini bukanlah ertinya dihukum bunuh sahaja sebaliknya hukuman mesti dijalankan meskipun terkena pada anak atau keluarga sendiri. Walau bagaimanapun ungkapan adat ini telah menimbulkan beberapa kontroversi kerana kebanyakan masyarakat luar salah faham dan seterusnya digunakan untuk mencaci Adat Perpatih. Misalnya, dalam tahun 1946, Datuk Onn sendiri sebagai pemimpin ulung bangsa Melayu pernah menyuarakan atau menyarankan agar orang Melayu jangan terlalu taksu pada adat. Seheingakan ungkapan leluhur adat itu diubah menjadi *biarlah mati adat, jangan mati anak* (A. Samad Idris, 1984 : 48).

Walaupun bagaimanapun, Zainal Kling menekankan undang-undang adat adalah berteraskan keadilan. Oleh yang demikian, ia tidak tersekut oleh tali persaudaraan, kepentingan politik, tekanan rasuah ataupun martabat kedudukan. Tetapi sekuat mana hubungan antara manusia, yang kerap mengubah sistem keadilan ialah tali persaudaraan darah antara ibu bapa dan anak-anaknya. Justeru itu hubungan darah ini sentiasa menjadi bandingan terhadap kuasa keadilan dalam undang-undang adat.

Perbilangan hukum adat ini sudah sekian kali dikutip dan disebut serta sentiasa disalah erti atau disalah tafsirkan. Tanggapan masyarakat, terhadap keadilan yang diertikan darinya adalah kezaliman. Adat seolah-olah begitu zalim sehingga anak dibunuh, asal adat dapat hidup. Pada hal, maksud utama daripada perbilangan ini ialah sesiapa pun akan diadili atau dihakimi jika telah melanggar adat (undang-undang atau hukum)

tidak kira sama ada anak atau orang lain. Seorang hakim mesti bersikap adil dan dia tidak boleh membezakan orang lain dengan anaknya.

Menurut Hashim A. Ghani, perbilangan adat ini tumbuh atau dicipta daripada semangat Islam sendiri, Iskandar Muda Mahkota Alam Raja Aceh (1603-1636) mendapati anaknya Putra Mahkota bermukah dengan isteri orang, menurut hukum Islam berzina patut dihukum hingga mati. Kemudian hukuman itu pun dijalankan ke atas Putra Mahkota dan dengan linangan air mata ia menjatuhkan hukuman bunuh tersebut. Kerana cintanya terhadap hukum maka terbitlah ungkapan *biar mati anak asal jangan mati adat* dari bibirnya.

Tujuan perbilangan ini tidak lain ialah supaya Adat Perpatih ini dilaksanakan dan dipertahankan terutama dari segi hukumnya, kerana adat ini menuju kebenaran. Ini jelas dapat dilihat melalui ungkapan *Adat bersendi Hukum, Hukum bersendi kitabullah* dan kata-kata ini pula jangan sekali-kali dikhianati seperti perbilangan:

*Kena kempis perut
kena mata dipicingkan
di padang orang berlari
di padang sendiri berjingkat.*

Kesimpulannya, bahasa yang digunakan dalam perbilangan Adat Perpatih adalah bahasa Melayu. Tidak terdapat penggunaan bahasa Melayu Minangkabau atau dialek Minangkabau dengan jelas dalam perbilangan Adat Perpatih. Hal ini berlaku disebabkan orang-orang Melayu yang mengamalkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan telah lama terpisah dengan Minangkabau. Negeri Sembilan pada hakikatnya adalah

sebahagian daripada Alam Minangkabau yang disebut sebagai Daerah Rantau dan Minangkabau sendiri adalah daerah induknya. Malah istilah-istilah yang digunakan dalam perbilangan adat juga jauh berbeza dengan istilah Tambo Minangkabau. Di samping itu juga, pemilihan diksi atau kata dalam perbilangan Adat Perpatih melibatkan kata denotasi dan konotasi. Walau bagaimanapun, kedua-dua unsur ini, menimbulkan kesan-kesan kehalusan, kemuliaan dan kesempurnaan sebagai memenuhi syarat-syarat keindahan, keluasan, kedalaman serta ketajaman pemikiran orang-orang Melayu.

Pengulangan Dalam Perbilangan Adat Perpatih

Aspek pengulangan dalam perbilangan Adat Perpatih mengandungi unsur-unsur pengulangan seperti anafora, epifora, simplok, mesodiplosis, anadiplosis, asonansi dan aliterasi. Pengulangan yang agak dominan dalam perbilangan Adat Perpatih ialah pengulangan yang berbentuk anafora. Gaya pengulangan ini dengan jelas menimbulkan bunyi-bunyi yang harmonis dan menarik dalam perbilangan Adat Perpatih. Kerana perbilangan adat tergolong dalam puisi Melayu tradisional. Oleh itu, rentak bunyi bahasa yang wujud dalam puisi lama hanya berkesan dan menarik sekiranya berlaku pengulangan. Jadi sudah tentu aspek pengulangan cukup penting bagi membentuk dan membina puisi Melayu tradisi. Menurut Simandjuntak,

"Puisi lama mengulangi kata atau bunyi bukan semata-mata untuk rasa keindahan, tetapi kekuatan ghaib yang diperolehinya dengan pengulangan kata itulah yang dipentingkan".

(Simandjuntak, 1971 : 20)

Bentuk pengulangan merupakan satu bentuk dasar dalam segala jenis puisi. Bentuk ini bukan sengaja direka oleh penciptanya tetapi merupakan sesuatu keadaan semula jadi yang dipakai dalam kehidupan sehari-hari. Lama-kelamaan ia memperlihatkan potensi keindahannya, lantas ia menjadi satu gaya bahasa dan disadari lalu digunakan dalam puisi.

Kata pengulangan digunakan secara sedar dengan tujuan menarik perhatian atau untuk menunjukkan intensiti.

Unsur Anafora

Menurut Gorys Keraf (1991 : 126) anafora termasuk dalam aspek repitisi, iaitu pengulangan bunyi, suku kata, perkataan atau kalimat yang dianggap penting untuk memberi tekanan dalam sesebuah konteks yang sesuai. Anafora yang lazimnya dirujuk sebagai pengulangan kata pertama, pada tiap baris atau kalimat berikutnya dalam satu binaan sintaksis. Menurut Rahman Shaari (1985 : 8), anafora ialah pengulangan perkataan dalam kedudukan awal baris. Misalnya:

*Salah hamba kepada tuan,
Salah murid kepada guru,
Salah anak kepada bapa,
Salah bini kepada laki.*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 57)

Pengulangan perkataan *salah* pada awal baris itu berhasil memenuhi hakikat keindahan atau kekuatan perbilangan adat sebagai genre puisi. Perkataan *salah* itu merujuk kepada kesalahan yang dilakukan oleh orang

yang dipimpin. Contohnya *salah murid kepada guru*" bermaksud kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dan tugas guru pula sebagai pemimpin yang harus membetulkan pelajar itu. Cara membetulkan kesilapan atau kesalahan bukan sahaja dengan memberi nasihat tetapi menunjukkan tauladan yang baik supaya boleh dicontohi oleh para pelajar. Sementara kesalahan yang dilakukan oleh orang dipimpin biasanya bermula daripada kecuaiannya pemimpin. Perbilangan ini secara tidak langsung, mengingatkan seseorang pemimpin perlu mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang baik seperti bertanggungjawab, amanah dan lain-lain sifat mulia yang boleh ditauladani.

*Jikalau ia cherdek, hendakkan rundingannya,
Jikalau maalim, hendakkan doa-nya,
Jikalau patah, penghalau ayam,
Jikalau buta, menghembus lesong,
Jikalau pekak pembakar bedil.*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 64)

Perkataan *jikalau* di atas ialah unsur anafora. Perkataan *jikalau* diulang beberapa kali bertujuan untuk menegaskan lagi maksud perbilangan tersebut. Perbilangan di atas berkaitan dengan orang semenda. Perkataan *jikalau* digunakan untuk menunjukkan kemungkinan taraf atau kebolehan yang ada pada orang semenda. Kehadiran orang semenda diterima oleh masyarakat Adat Perpatih, walaupun ia cacat sekali pun (patah, buta atau pekak). Dengan kata lain, nilai dan prinsip sama rata, setiakawan, tolong menolong dan bersefahaman yang dibina di atas prinsip timbal balik cuba ditonjolkan dalam perbilangan ini agar prinsip ini menjadi pegangan masyarakat. Nilai-nilai ini bukan egoistik atau menonjolkan keakuan yang kasar dan keras tetapi kehadiran individu dengan harga diri yang utuh dan teguh, masing-masing hidup dengan

fungsi dan peranan sendiri serta memberi sumbangan kepada kewujudan seluruh tiada perhambaan yang menjatuhkan harga diri bagaikan barang tidak berguna, tetapi masing-masing ada sumbangan, peranan dan fungsi. Seterusnya perhatikan pula perbilangan berikut:

12 4 (18)

*Alang tukang binasa kayu,
Alang cerdik binasa adat,
Alang alim rosak agama,
Alang sefaham kacau negeri.*

(A. Samad Idris, 1974 : 10)

Perkataan *alang* di dalam perbilangan di atas adalah kependekan kata *alang-alang* bermaksud lebih kurang. *Lebih kurang* dalam hal ini merujuk kepada sesuatu pekerjaan yang dilakukan dengan cara tidak sempurna. *Alang tukang binasa kayu* bermaksud seseorang yang tidak pakar dalam bidang pertukangan tetapi mengaku dia boleh melakukan pekerjaan tersebut. Andainya orang ini disuruh membuat rumah, sudah tentu akan berlaku pembaziran, banyak kayu akan terbuang begitu sahaja.

Alang cerdik binasa adat bermaksud orang tidak tahu secara mendalam tentang adat. Sekiranya orang ini dilantik menjadi Ketua Adat, sudah tentu akan berlaku kekeliruan dan kekecohan dalam masyarakat Adat Perpatih. Kekeliruan itu disebabkan tafsiran yang salah atau kurang tepat mengenai sesuatu perkara terutama yang berhubungan dengan hukum adat.

Alang alim rosak agama ialah seorang yang tidak tahu dengan mendalam tentang hal ehwal agama. Jika orang ini diberi tugas yang berkaitan dengan hal ehwal agama, kemungkinan akan berlaku kekeliruan.

Perkara-perkara yang berkaitan dengan agama bukanlah sesuatu yang boleh dipermain-mainkan.

Alang sefaham kacau negeri bermaksud kurangnya persefahaman di kalangan masyarakat Adat Perpatih. Kurangnya persefahaman ini disebabkan adanya golongan tertentu yang tidak mahu mematuhi peraturan-peraturan adat dan undang-undang syarak. Jika hal yang sedemikian dibiarkan berterusan, maka akan berlakulah kekacauan di dalam negeri.

Jelaslah, perkataan *alang* itu menekankan kepada sesuatu pekerjaan yang dilakukan secara lebih kurang atau tidak sempurna akhirnya akan merosakkan masyarakat dan negeri.

*Bulat anak buah menjadikan Buapak,
Bulat Buapak menjadikan Lembaga,
Bulat lembaga menjadikan Penghulu,
Bulat penghulu menjadikan Raja.*

(A. Samad Idris, 1974 : 12)

Perbilangan adat di atas berkaitan dengan sistem pentadbiran demokrasi Adat Perpatih kerana semua Ketua-ketua Adat dipilih oleh rakyat. Unsur anaforanya ialah *bulat*. Bulat bermaksud bersatu melalui muafakat. Pada semangat bersatu inilah letaknya demokrasi. Rakyat diberi kebebasan untuk memilih seorang ketua yang dipanggil *Buapak*. Kumpulan Buapak pula memilih atau melantik Lembaga dan Lembaga pula memilih Penghulu seterusnya Penghulu pula memilih seorang Raja. Raja dalam menjalankan pentadbirannya pula akan bertitah kepada Penghulu, Penghulu akan menyampaikannya kepada Lembaga dan seterusnya hingga sampai kepada anak buah. Dalam pemilihan

contohnya, *bulat anak buah menjadikan Buapak* ialah setiap anak buah di dalam satu-satu suku atau waris itu mengadakan kerapatan besar yang diawasi oleh Datuk-datuk Lembaga bagi memilih seorang ketua waris atau yang dipanggil Buapak. Pemilihan ini diadakan secara terbuka dan bebas yang ditentukan oleh sesama mereka secara demokrasi.

Kesimpulannya, setiap rakyat dalam Adat Perpatih mempunyai hak masing-masing dalam menentukan dan memilih seorang ketua dalam pemerintahan negara atau negeri. Kalau dalam pilihanraya setiap wakil rakyat akan dipilih setiap lima tahun sekali, tetapi dalam sistem pentadbiran Adat Perpatih pemilihan ini dibuat seumur hidup. Meskipun kedudukannya seumur hidup, tetapi mereka tidak boleh lari daripada peraturan-peraturan yang dipanggil pantang-larang yang mesti dipatuhi. Jika mereka melanggar peraturan-peraturan yang ditentukan itu, maka mereka boleh dipecat dan digantikan dengan orang lain. Kuasa memecat ditentukan oleh siapa dan golongan mana yang memilih dan melantiknya.

Di bawah ini disertakan beberapa contoh pengulangan yang diikutip daripada beberapa orang tokoh yang pernah mengkaji tentang perbilangan Adat Perpatih.

*Sekali air bah
 Sekali pasir berubah
 Sekali raja mangkat
 Sekali adat beralih
 Sekali tahun beredar
 Sekali musim bertukar*

70 : 6 (11)

(Norhalim Ibrahim, 1994 : 70)

*Perkataan raja memberi kelapangan
Perkataan penghulu menyelesaikan
Perkataan manti adalah mengulangi
Perkataan hulubalang adalah keras
Perkataan orang banyak tidak karuan.*

(Nasroen, 1971 : 145)

*Mengambil contoh pada nang sudah
Mengambil tuah pada nang menang
Mengambil wazan kepada nabi
Mengambil berkat kepada nang tua
Mengambil ijazah kepada guru*

(Mohamed Din Ali, 1959 : 30)

*Jika khabar baik diberitahu
Jika khabar buruk serentak didatangi
Jika jauh ingat mengingati
Jika dekat temu menemui*

(A. Rahman Mohammad, 1964 : 49)

*sudah memancar rupanya pedang,
sudah menikam rupanya keris,
sudah terurai rupanya tombak,
sudah terkembang rupanya payung,*

*sudah terkecimpung tawak-tawak,
sudah meningkah rupanya gendang,
sudah beratur rupanya meriam,
sudah bersukat ubat bedil,
sudah terbakar rupanya tunam,
sudah berderau rupanya lambat.*

(Mohd. Yusof Mohd. Nor 1993: 205)

Berdasarkan lima contoh perbilangn adat di atas, seperkara yang amat menarik adalah diksi awal yang diulang-ulang untuk menghasilkan kehalusan bunyi dan kesegaran pendengaran malah yang lebih penting ialah mesej yang disuguhkan terasa semakin dekat. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui bentuk anafora iaitu *sekali, perkataan, mengambil,*

jika dan *sudah*. Dengan ini, menggambarkan hasil kebijaksanaan mereka yang menyusun perbilangan Adat Perpatih itu.

Penyusunan bunyi yang menarik tersebut berpunca daripada pemilihan perkataan atau diksi yang tepat. Misalnya *sudah memancar rupanya pedang* (Mohd. Yusof Md.Nor, 1993 : 205). Perkataan *Pedang*, digambarkan dengan rupanya yang memancar-memancar yang tajam serta boleh melukakan seandainya tidak digunakan dengan hati-hati. Perbilangan di atas sebenarnya digunakan semasa istiadat pertabalan Ketua adat seperti Lembaga dan Undang sebagai alat kebesaran yang dipakai semasa upacara mengesahkan jawatan *Pedang* dan *keris* turut menjadi lambang kekuasaan seseorang Ketua Adat yang cuba digambarkan dalam perbilangan adat. Jelaslah, kilauan pedang yang memancar bertujuan menunjukkan kehebatan dan kekuasaan seseorang pemegang teraju adat. Justeru itu, penyusunan dan pemilihan diksi yang tepat seperti dalam contoh tersebut amat penting bagi mempengaruhi golongan tertentu, supaya timbul rasa hormat yang lebih lagi kepada pemegang teraju itu.

Secara keseluruhannya, pengulangan diksi pada awal setiap baris memberi atau meninggalkan kesan kepada pendengar iaitu nada penegasan. Dengan ini, perbilangan adat di atas cukup nyata memerihalkan keupayaan penciptanya menyampaikan amanat dengan susunan kata yang menarik. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa perbilangan sekumpulan ciptaan ungkapan kreatif yang bermutu dan segar sepanjang zaman.

Unsur Epifora

Satu lagi gaya bahasa pengulangan, ialah pengulangan perkataan atau perkataan-perkataan pada akhir baris-baris puisi (Rahman Shaari, 1985 : 30). Epifora juga dikenali sebagai kebalikan daripada anafora. Epifora merupakan satu atau lebih perkataan di akhir kalimat, diulang dalam kalimat-kalimat lain yang sejajar dengannya. Stail pengulangan dalam bentuk epifora digunakan dalam menyampaikan maksud untuk penegasan di samping untuk memanipulasi bunyi kata yang saling sambut menyambut. Stail yang sedemikian tidak berapa banyak ditemui dalam perbilangan adat. Namun biasanya ia terdapat dalam bentuk ulangan dalam dua atau tiga baris yang sejajar. Agak sukar juga untuk menemui ulangan kata yang lebih dari dua baris sejajar. Contohnya dapat dilihat pada perbilangan di bawah ini.

*Ibu hukum muafakat
Ibu adat muafakat*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 58)

Perkataan *muafakat* bermaksud suatu perkara yang hendak dilaksanakan perlu dibuat rundingan atau dirundingkan terlebih dahulu. Persetujuan ramai adalah muafakat. Amalan demokrasi dalam Adat Perpatih ialah muafakat. Keputusan yang dibuat adalah mengikut persetujuan masyarakat adat bukannya kehendak seseorang. Dalam perbilangan adat di atas, jelas memperlihatkan muafakat adalah perkara yang utama dalam menetapkan hukum atau adat.

*Terbit pusaka kepada saka
Si laki-laki menyandang pusaka
Si perempuan yang punya pusaka
Orang semenda yang membela.*

(A.Caldecott, 1918 : 34)

Perkataan *pusaka* di dalam perbilangan di atas adalah unsur epifora. *Pusaka* bermakna harta peninggalan atau tanah yang diwarisi secara turun menurun dari nenek moyang. *Terbit* pula bermaksud ada atau wujud dan *saka* pula bermaksud keturunan. Dalam konteks perbilangan ini, keturunan itu merujuk kepada anak perempuan. *Terbit pusaka kepada saka* bermaksud harta pusaka itu hanya boleh diwarisi oleh kaum perempuan sahaja. *Menyandang* bermaksud menjaga atau mengawal. *Si laki-laki menyandang pusaka* bererti adik-beradik lelaki bertanggungjawab menjaga dan mengawal serta mengerjakan tanah tersebut, sebelum adik perempuan atau kakaknya berumahtangga.

Si perempuan yang punya bermaksud kaum perempuan adalah milik sebenar harta pusaka itu. Namun demikian, saudara lelaki boleh mengambil hasil daripada tanah pusaka tersebut. Sekiranya, si perempuan itu sudah berkahwin, maka adalah menjadi tanggungjawab suaminya mengusahakan tanah pusaka yang diwarisi itu.

Perkataan *pusaka* yang diulang beberapa kali itu dapat menegaskan lagi kenyataan bahawa pusaka adalah sesuatu yang sangat penting di dalam masyarakat Adat Perpatih. Pada masa dahulu, kebanyakan kaum perempuannya tidak bekerja. Oleh itu, dengan adanya tanah pusaka ini secara tidak langsung dapat menjamin kehidupannya di masa akan datang

sekiranya berlaku dugaan hidup seperti penceraian atau kematian suami dalam keluarganya.

Pernyataan ini ditegaskan lagi oleh Zainal Kling (1994 : 160) sesuai dengan susunan masyarakat, harta milik itu terpulang kepada perempuan tetapi tidak menghalang lelaki menggunakannya. Menantu lelaki atau suami sentiasa diharap menjaga dan mengusahakannya. Susunan milik oleh pihak wanita (perempuan) ini mempunyai fungsi yang amat wajar. Wanita dianggap sebagai saka atau inti daripada keturunan kerana mereka melahirkan keturunan. Justeru itu, amat perlu dipelihara dan mempunyai sumber rezeki yang tetap. Tetapi, pihak lelaki mempunyai tenaga untuk memimpin dan menjaga. Oleh itu, kehidupan wanita dianggap terjamin dan selamat di kampung halaman, di kalangan keluarga, perut dan suku membenarkan golongan lelaki terutama belia-belia keluar jauh, merantau mencari rezeki dan kekayaan melalui perdagangan, seperti pantun berikut:

*Keratan memotong di hulu,
Berbuah berbunya belumi,
merantaulah bujang dahulu'
dirumah berguna belum*

Walau bagaimana pun, kerap timbul salah tanggap terhadap perbilangan adat ini. Bagi mereka, pemilikan harta oleh perempuan seolah-olah merendahkan dan menjatuhkan martabat kaum lelaki. Tetapi sebenarnya, kenyataan itu tidak benar sama sekali, jika mereka mengkaji dan merenung secara mendalam terhadap perbilangan adat tersebut.

*Cicir dipungut,
Hilang dicari,
Nyawa darah waris yang punya
Rugi laba isteri yang punya.*

(Ibrahim Atin, 1959 : 26)

Perbilangan adat di atas antara lain menggambarkan tanggungjawab kaum perempuan terhadap saudara lelakinya yang di dalam kesusahan. Misalnya, jika berlaku perceraian, lelaki tersebut boleh menumpang di rumah saudara perempuannya di samping membantu mengusahakan tanah pusaka. Inilah yang dikatakan *cicir dipungut, hilang di cari*. Biasanya lelaki yang dilanda kesusahan tidak akan diketepikan begitu sahaja oleh saudara perempuannya kerana dia mempunyai hak pakai ke atas tanah pusaka itu. Jelas kita lihat, unsur epifora dalam perbilangan adat ini ialah *yang punya* iaitu mempunyai, menaruh, ada atau memiliki. Perkataan *nyawa dan darah* pada baris ketiga dalam perbilangan yang telah dinyatakan, bermaksud ikatan kekeluargaan. Jika terdapat salah seorang dari anggota keluarga itu sakit atau kemalangan, ini menjadi tanggungjawab saudara maranya mengubati sakit tersebut. Sekiranya lelaki tersebut meninggal dunia, warisnya bertanggungjawab menyempurnakan pengkebumian. Hal itu menunjukkan betapa eratnya ikatan kekeluargaan. Jikalau lelaki tersebut telah berumahtangga, isterinya berhak mengambil harta yang telah diusahakan oleh suaminya. Sekiranya suami tersebut meninggal dunia dengan meninggalkan hutang, isterinya bertanggungjawab menjelaskan hutang itu.

Di bawah ini disertakan beberapa contoh perbilangan adat yang mengandungi unsur epifora.

- i) *Terpijak pada arang hitam telapak,
Terpijak pada kapur putih telapak*

(Idrus Hakimy, 1978 : 11)

- ii) *Ringan tulang berat perut
Berat tulang ringan perut.*

(Za'aba, 1965 : 108)

- iii) *Ibarat kain tengah empat,
Elak ke atas bawah terbuka
Elak ke bawah atas terbuka.*

(Harun Mat Piah, 1989 : 475)

- iv) *Kain rabak tegah dek lenggang awak,
Baju rabak tegah dek lenggok awak,
Kopiah pesuk tegah dek lonjak awak.*

(Zaaba, 1965 : 172)

Epifora yang ditandai pada contoh-contoh perbilangan adat di atas memiliki daya intensiti tersendiri dalam usaha mengungkapkan pemikiran dan idea dalam setiap rangkap tersebut. Dalam contoh (i), ia lebih menekankan konsep malu sementara dalam contoh (ii) pula membuat perbandingan terhadap mereka yang rajin dan malas. Perbilangan adat ini menggambarkan suasana yang terjadi dalam kenduri-kendara. Manakala contoh (iii) melukiskan kiasan terhadap akhlak dalam cara berpakaian dan dalam contoh (iv) memperlihatkan sindaran tajam pada mereka yang mempunyai peribadi yang buruk iaitu suka meninggi diri dalam masyarakat. Keadaan ini tidak sesuai dalam masyarakat yang mengamalkan semangat kekitaan. Contohnya:

Pemilihan diksi '*rabak*' dan '*koyak*' memancarkan kesan atau akibat buruk yang diterima seseorang akibat tindak tanduk atau perbuatannya sendiri.

Pada keseluruhan perbilangan adat di atas memaparkan pengulangan dalam setiap baris akhir sudah cukup untuk menguatkan mesej yang terkandung dalam setiap rangkap tersebut. Perbuatan yang suka mengulang-ulang setiap kata-kata dalam kehidupan masyarakat Melayu adalah suatu lumrah. Bagi mereka yang lebih penting adalah perkataan yang sering diulang-ulang itu akan cepat dihafal dan diingati, untuk jangka masa yang panjang.

Unsur Simplik

Menurut Boelo Johannes Bijleveld, simplik ialah percantuman di antara anafora dan epifora. Hal yang demikian ini bermaksud, simplik ialah pengulangan pada awal dan pada akhir baris (Rahman Shaari, 1993 : 6). Simplik ialah pengulangan pada awal dan akhir beberapa baris atau ayat berturut-turut (Gorys Keraf, 1990 : 128). Simplik antara lain bermaksud kombinasi di antara anafora dan epifora, iaitu pengulangan perkataan dalam kedua-dua kedudukan awal dan akhir. Contohnya seperti di bawah ini.

*Elah si laki-laki loncor tanda,
Elah si perempuan ganda tanda.*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 66)

Unsur Simplik dalam perbilangan adat ini ialah *elah* dan *tanda*. Perkataan *elah* di dalam perbilangan adat di atas adalah kependekan kata *helah* dalam bahasa Melayu baku. *Elah* bermaksud muslihat atau tipu daya. Perbilangan di atas menggambarkan perjanjian yang dibuat semasa pertunangan. Janji yang telah dibuat, maka perlu ditepati. Sementara

perkataan *tanda* pula bermaksud hantaran berupa barang kemas (cincin dan lain-lain) yang dihantar semasa majlis pertunangan. Mengikut adat biasanya cincin sebertuk diberi sebagai tanda. Perbilangan adat tersebut menyatakan penegasan seolah-olah seperti perjanjian yang termeterai di antara kedua-dua belah pihak. Jika pihak lelaki yang tidak menepati janji maka segala hantaran akan diambil oleh pihak perempuan (tidak dikembalikan semula). Sementara itu, jika pihak perempuan pula yang memungkiri janji maka mereka terpaksa membayar dua kali ganda daripada hantaran yang telah dihantar semasa majlis pertunangan. Misalnya, jika pihak lelaki menghantar sebertuk cincin maka apabila berlaku putus pertunangan oleh pihak perempuan, seharusnya dia mengembalikan dua bentuk cincin kepada pihak lelaki.

*Tegak bersaudara, saudara dipertahankan,
Tegak berkampung, kampung dipertahankan,
Tegak bersuku, suku dipertahankan,
Tegak berbangsa, bangsa dipertahankan.*

(A. Rahman Mohammad, 1964 : 12)

Unsur simplok dalam perbilangan adat di atas ialah *tegak dan dipertahankan*. Perkataan *tegak* di dalam perbilangan di atas merujuk kepada semangat persaudaraan dan permuafakatan di dalam masyarakat Adat Perpatih. Perkataan tersebut diulang beberapa kali bertujuan untuk menunjukkan betapa pentingnya persaudaraan itu.

Sementara itu, perkataan '*pertahankan*' pula bermaksud menjaga maruah keluarga, bangsa dan negara. Masyarakat akan hidup aman jika mereka menyedari tanggungjawab masing-masing.

Rumusannya, pengulangan kata *tegak* dan *dipertahankan* adalah bertujuan untuk menguatkan lagi maksud yang hendak disampaikan dan penggunaan kedua-dua perkataan ini memang tepat dan berkaitan dengan hal yang dibincangkan.

*Ibu hukum muafakat,
Ibu adat muafakat.*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 58)

Perkataan *ibu* di dalam perbilangan di atas merujuk kepada sesuatu perkara yang utama atau dasar. Sementara itu, *muafakat* pula bererti persetujuan ramai. Umumnya, perbilangan adat di atas menyatakan tentang hubungan antara hukum syarak dengan adat. Jelaslah bahawa diksi *ibu* dan *muafakat* adalah unsur simplok.

Dalam konteks masyarakat Adat Perpatih, perkataan *ibu* bertepatan dengan konsep *Bonda kandung*, iaitu ibu yang melahirkan anggota masyarakat yang akan menjadi generasi penerus dan pendukung adat. Konsep ini bersesuaian pula dengan peristiwa ketika Sri Banun yang mengandung anak sulung, terpaksa digalangkan untuk melayarkan bahtera bapa saudaranya iaitu Dato' Perpatih.

Terbukti di sini, bahawa pengulangan perkataan '*ibu*' adalah pancaran kesucian, kelembutan, kehalusan dan perasaan seorang ibu. Justeru itu, ibu sering dirujuk sebagai tempat untuk melimpahkan segalanya termasuklah dalam hal perbincangan atau muafakat dalam

mencari sesuatu rumusan. Dengan ini jelaslah pemakaian perkataan ibu, dalam konteks perbilangan adat tersebut sememangnya tepat.

Daripada contoh-contoh di atas, unsur simplok ini bertujuan untuk memberi penekanan pada satu-satu maksud yang dibicarakan atau penumpuan pada satu-satu idea yang hendak disampaikan.

Unsur Responsi/Mesodiplosis

Responsi ialah ulangan satu atau beberapa perkataan pada satu-satu baris, diulang pada tempat yang sejajar pada baris lain dalam satu kesejajaran atau disebut ulangan sambut menyambut. Ulangan ini menjadi sendi di dalam ayat serta memberi nada dan rentak tertentu terutamanya apabila ianya dilagukan.

Pengulangan responsi merujuk ulangan sesuatu diksi atau lebih dalam satu baris yang sama dengan posisi ulangan dalam keadaan yang seragam (sejajar). Bilangan ulangan diksi yang sedemikian kerap kali ditemui dalam rangkap-rangkap perbilangan Adat Perpatih.

Pada kebiasaannya diksi yang diulang terletak di tengah-tengah baris yang membolehkannya senang dilihat tambahan lagi mudah untuk dihafal. Contohnya dalam perbilangan adat berikut:

*Yang alim hendakkan doanya,
Yang kaya hendakkan emasnya.*

(A. Samad Idris, 1974 : 18)

Perkataan *hendakkan* di dalam perbilangan adat tersebut merupakan unsur responsi. Perkataan tersebut bermaksud *meminta sesuatu*. *Alim* pula bererti orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam tentang hal ehwal agama sementara *emas* pula bermaksud harta dan wang.

Setiap orang itu mempunyai kebolehan yang tersendiri. Adat Perpatih amat menghormati orang yang mempunyai kebolehan di dalam sesuatu bidang. Orang yang alim diharap dapat mengajar hal ehwal agama kepada masyarakat. Dalam majlis-majlis tertentu, orang alim diminta membaca doa. Orang yang berada pula diharap dapat membantu orang yang kurang berkemampuan. Orang kaya yang bersifat dermawan sangat dihormati oleh masyarakat Adat Perpatih.

*Berat sama dipikul,
Ringat sama dijinjing,
Bukit sama didaki,
Lurah sama dituruni,
Laba sama dikutip,
Rugi sama ditatang,
Hati kuman sama dicicah,
Hati gajah sama dilapah.*

(A. Rahman Mohamad, 1964 : 67)

Perkataan '*sama*' dalam perbilangan adat di atas merujuk kepada *turut serta* atau *bersaing dengan orang lain dalam melakukan sesuatu pekerjaan* misalnya memberi bantuan dalam soal kenduri kendara, kematian dan sebagainya. Jelas perbilangan adat tersebut, menggambarkan semangat kerjasama yang begitu kuat antara masyarakat. Dengan ini secara tidak langsung dapat mewujudkan masyarakat yang harmonis kerana sistem sosial Adat Perpatih adalah berasaskan semangat

musyawarah dan gotong-royong. Oleh itu, tidak hairanlah gagasan yang menganjurkan semangat kerjasama dan tolong-menolong sesama anggota masyarakat begitu kerap ditemui dalam perbilangan adat.

*Tetekala
Kampung sudah bersudut,
Sawah sudah berjenjang,
Puchok sudah meliok,
Pinang sudah berjajar.*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 55)

Unsur responsi dalam perbilangan adat di atas dapat dilihat melalui perkataan *sudah*. Kedudukannya di tengah-tengah ayat seolah-olah menjadi sendi di dalam ayat. Perbilangan di atas, menggambarkan pembukaan sesebuah negeri tetapi keadaan negeri itu sudah maju dan tanam-tanamannya telah menampakkan hasil dan adat boleh dijalankan di sini.

*Kambing biasa membebek,
Kerbau biasa menguak,
Ayam biasa berkokok,
Murai biasa berkichau,
Alim biasa menghukum shara'
Hulubalang biasa menjarah,
Juara biasa melepas,*

*Saudagar biasa bermain bungal teraju,
Perempuan biasa berusaha benang dan
kapas.*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 56)

Perkataan *biasa* dalam perbilangan di atas adalah unsur responsi. Perbilangan ini menjelaskan unsur alam yang terdapat di dunia ini. Unsur alam ini pula dikiaskan dengan manusia. Dalam Adat Perpatih, hal ini

dipanggil 'Adat Nan Sebenar Adat'. Perkataan *biasa* menegaskan perkara yang selalu atau tabiat semulajadi yang dilakukan oleh binatang dan kemudian dibandingkan dengan manusia.

*ka-laut menuju alur,
ka-darat menuju benar,
bertahun menuju musim,
ka-laut ta' menuju alur, tumpat karam,
ka-darat ta' menuju benar, siar bakar,
bertahun ta' menuju musim, sumbang
hangus.*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 58)

Perkataan *menuju* bermaksud mengikut arah atau hala yang telah ditetapkan. Jelaslah, bahawa perkataan *menuju* adalah merupakan penunjuk arah yang ditegaskan. Perbilangan ini berkaitan dengan 'Adat Nan Sebenar Adat' iaitu unsur alam dikiaskan supaya menjadi tauladan dalam hidup ini. Perbilangan di atas, sebenarnya berupa kiasan dan menunjukkan perkataan yang sepatutnya dilakukan. Sekiranya, kita tidak mengikut adat yang diamalkan maka kita akan mengalami kesusahan dalam kehidupan ini.

Antara lain contoh unsur responsi atau mesodiplosis yang pernah ditulis oleh beberapa orang pengkaji tentang Adat Perpatih.

- a) *Sawah yang berjenjang,
Pinang yang gayu,
Nyiur yang saka,
Lembaga yang punya,*

(Abdullah Siddik, 1975 : 149)

- 13.5 (11)
 b) *Raja menobat di dalam alam,
 Penghulu menobat di dalam luak,
 Lembaga menobat di dalam lingkungannya,
 Ibu bapa menobat pada anak buahnya,
 Orang banyak menobat di dalam
 terataknya.*

(Abdullah Siddik, 1975 : 110)

- 94.6 (14)
 c) *Pertama kata Allah,
 Kedua kata Rasul,
 Ketiga kata pesaka,
 Keempat kata muafakat,
 kelima berteromba,
 Keenam bersalasilah.*

(Ibrahim Atin, 1959 : 6)

- 95.4 (26)
 d) *Merajuk kepada yang kasih,
 Manja kepada yang sayang,
 Meminta kepada yang ada,
 Berkaul kepada yang keramat.*

(Harun Mat Piah, 1989 : 475)

Contoh (d), penggunaan diksinya amat tepat sekali. Malah penggunaan diksi 'kepada' dan 'yang' menekankan lagi pemikiran yang terkandung dalam perbilangan tersebut. Secara keseluruhannya, pemikiran utama yang ingin disampaikan ialah merujuk sesuatu perkara itu pada tempat yang sesuai. Misalnya, jika 'merajuk' atau 'bermanja', hendaklah mendapatkan orang yang benar-benar mengasihi diri individu tersebut. Seandainya, anjuran yang demikian tidak dituruti, kemungkinan besar masalah lain pula akan timbul. Oleh itu, lebih jelas kalau meminta pertolongan kepada orang yang ada kelebihan tentangnya. Ia mungkin bermakna kelebihan daripada segi harta, yang boleh dipinjam semasa kesempitan. Tetapi jika pergi meminta pertolongan pada seseorang yang tidak mempunyai harta tentulah ia tidak akan dapat menghulurkan bantuan. Setelah diteliti, jelas amat tepat, pemilihan perkataan yang

dipakai dalam susunan setiap baris yang membawakan pemikiran yang sama, melalui perbilangan adat di atas.

Di samping itu, terdapat satu lagi jenis responsi yang mana mengulang kata akhir di dalam satu baris yang lain. Kata ulangan tersebut menjadi kata awal pada baris tersebut. Selain daripada itu, ia juga dikenali sebagai unsur *anadiplosis* iaitu kata atau frasa terakhir daripada sesuatu klausa atau ayat menjadi kata atau frasa pertama dari klausa atau ayat berikutnya (Gorys Keraf, 1990 : 128). Contohnya:

*Adat bersendi hukum,
Hukum bersendi kitabullah.*

(Zainal Kling, 1984 : 155)

Perbilangan di atas menunjukkan tidak ada pertentangan antara adat dengan agama Islam. Adat khasnya membicarakan peraturan-peraturan hidup di dunia. Agama Islam membawa soal Tuhan dan akhirat. Adat menerima Islam dan tidak menentanginya kerana pertentangan akan hanya membawa kemusnahan. *Kitabullah* (Al-Quran) itu adalah kitab yang diturunkan oleh Allah s.w.t. untuk menjadi pedoman manusia. Sementara *hukum* bererti peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi atau diikuti. Adat Perpatih yang dicipta sebelum kedatangan Islam itu juga bertujuan untuk memberi panduan kepada masyarakat Minangkabau ketika itu. Kedatangan Islam ke Minangkabau telah melengkapkan lagi undang-undang adat.

*Labu ke kundur,
Kundur ke labu,
 Orang ke orang.*

(Norhalim Hj. Ibrahim, 1993 : 102)

Labu dan *kundur* ialah sejenis buah yang digunakan sebagai sayur. Bentuknya lebih kurang serupa. Oleh itu *kundur* dan *labu* boleh dianggap sebagai adik beradik. Umumnya, perbilangan adat ini membicarakan tentang konsep perkahwinan sesuku. Anggota-anggota masyarakat di dalam satu suku itu dianggap adik beradik. Maka orang yang berkahwin sesuku dikatakan berkahwin dengan adik beradik. *Labu ke Kundur, Kundur ke Labu* bermaksud kita hendaklah bersifat saksama dari segi layanan di antara sesama sendiri (keluarga) dengan orang lain, jangan berat sebelah selalu.

- a) *Anak buah, pada ibu bapa
Ibu bapa pada tua,
 tua pada penghulu,
Penghulu pada undang,
Undang pada keadilan.*

(H.M. Dahlan, 1994 : 77)

- b) *Kemenakan beraja mamak,
Mamak beraja ke penghulu,
Penghulu beraja ke muafakat,
Muafakat beraja kebenaran,
Kebenaran berdiri sendiri.*

(Hamka, 1984 : 106)

- c) *Adat ke hukum, mati hukum
Hukum ke adat, mati adat.*

(Nordin Selat, 1976 : 26)

Unsur anadiplosis amat jelas dalam contoh (a), (b) dan (c). Contoh (b) di atas, berkaitan pengungkapan idea tentang tanggungjawab seseorang pemimpin dalam aturan kepimpinan yang sebenarnya. Pengulangan ini berperanan mempertalikan jalinan kekuasaan di antara strata lapisan

pimpinan dalam konteks Ketua-ketua Adat di dalam Adat Perpatih. Corak kepimpinan yang sebaik-baiknya adalah berdasarkan kemuafakatan antara semua lapisan strata pemimpin tersebut. Maksudnya, anak buah yang diketuai oleh *mamak* dan tugas *mamak* pula membentuk golongan yang dikuasainya. Namun dalam adat, sesuatu yang berada di peringkat atas harus dihormati, lebih-lebih lagi semasa hendak membuat satu keputusan yang berisiko besar seperti menjatuhkan hukum adat. Maka pada peringkat ini, *mamak* terpaksa merujuk dan berbincang dengan penghulu iaitu ketua bagi *mamak*. Apabila telah sampai pada pengetahuan penghulu, kes itu terpaksa dirujuk kepada *undang*. Oleh yang demikian pemilihan perkataan *beraja* yang diulang melalui kedudukan sejajar pada empat baris yang berturutan adalah lambang rasa hormat pada ketua. Pertalian hubungan kerjasama antara pemimpin ini, ditandakan dengan pengulangan di akhir baris yang diulang semula pada bahagian permulaan baris berikutnya.

Dengan ini jelas, bahawa unsur anadiplosis digunakan semasa mengungkapkan pemikiran yang bertunjangkan adat yang terdapat dan sebahagian lagi ketika upacara yang berkaitan dengan adat istiadat.

Unsur Asonansi

Asonansi bererti pengulangan bunyi vokal dalam dua atau lebih daripada dua suku kata (Rahman Shaari, 1993 : 28). Pengulangan bunyi vokal dalam perbilangan adat agak kerap juga ditemui. Bentuk perulangan vokal memberi kesan kelembutan pada rentak bunyi ucapan. Susunan bentuk ulangan vokal yang bertalu-talu umpamanya vokal /a/

menjadikan perbilangan tersebut nampak menarik dan indah apabila ia diucapkan. Ini kerana, bahasa puisi memerlukan tenaga kata-kata cukup berkesan kerana sifatnya yang ringkas dan padat. Contohnya:

*Macam menarik rambut dalam tepung,
Rambutnya jangan putus,
Tepungnya jangan berselerak,
Kalau keruh dijernihkan,
Kalau kusut diusaikan.*

(A. Samad Idris, 1994 : 45)

Oleh itu, dengan menggunakan stail pengulangan vokal dalam puisi perbilangan adat berjaya untuk memanipulasi bahasa dengan meninggalkan rentak nada yang lembut. Dengan ini jelaslah bahawa, asonansi adalah sejenis gaya bahasa yang wujud dengan pengulangan huruf vokal yang sama.

*Raja berdaulat,
Penghulu berandika:
Raja bertitah,
Penghulu bersabda:
Raja berkhalfah,
Penghulu bersuku,
Undang berkelantasan,
Lembaga bersekat:
Raja bersejarah,
Penghulu bersalasilah,
Lembaga berteromba.*

*seikat bak sirih
serumpun bak serai
seciap bak ayam
sedencing bak besi*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 56)

Unsur asonansi yang terdapat dalam perbilangan di atas ialah huruf vokal 'a' dan 'e'. Pada setiap perkataan itu menimbulkan kesan kehalusan, kelembutan, kemerduan atau keindahan bunyi. Perbilangan adat di atas melambangkan konsep demokrasi yang terdapat dalam Adat Perpatih.

104 : 4 (28)

*Seikat seperti sirih,
Serumpun seperti serai,
Seciap seperti ayam,
Sedecing seperti besi.*

(Mohd. Yusof Md. Nor, 1994 : 404)

Perulangan vokal /e/ dan /i/ amat dirasakan kesan kelembutan pengucapannya. Ini kerana susunan vokal /e/ dan /i/ begitu teratur, malah pengulangan silang turut menguatkan kesan yang serupa. Apabila diucapkan jelas menunjukkan perkataan yang dipakai seperti *seikat*, *sirih*, *sedecing*, *seciap* dan *besi* meninggalkan kesan kehalusan dan keharuan. Stail yang sedemikian berjaya mempengaruhi emosi masyarakat Melayu yang sememangnya amat sensitif dengan penggunaan lambang alam. Pertembungan antara emosi dan penggunaan lambang alam terasa lebih cepat sampai maksud perbilangan adat yang mengharapakan satu kesatuan yang erat dalam kehidupan masyarakat. Hal ini lebih jelas ditandai oleh perlambangan *seikat seperti sirih*.

Unsur Aliterasi

Aliterasi merupakan satu proses kebalikan asonansi iaitu pengulangan bunyi konsonan dalam satu diksi yang sama atau diksi-diksi lain yang dibina oleh fonem konsonan. Perbilangan Adat Perpatih menemukan fonem konsonan membawakan kandungan perasaan yang lebih keras. Hal ini, bersamaan dengan maksud perbilangan tersebut yang seakan seperti menyimpan rasa mengingatkan dan menegaskan. Misalnya dalam perbilangan adat di bawah.

*Masuk ke kandang kerbau menguak,
Masuk ke kandang kambing membebek.*

(Mohd. Yusof Md. Nor, 1994 :408)

Peringatan diberikan kepada mereka yang memasuki kampung atau kawasan yang baru. Mereka diingatkan supaya mengikuti segala peraturan dan adat istiadat di tempat baru tersebut. Penegasan ini sebenarnya lebih menekankan pada konsep merendah diri supaya tidak cuba berlagak sombong dan melakukan kebiasaan atau tabiat seperti di tempat lama dan lebih tepat lagi berbuat sesuka hati. Nada bunyi fonem /k/ dalam diksi *ke* atau *kandang* kedengaran agak agresif atau agak kasar.

Kesan yang agak keras ini juga ditandai dengan pemantulan fonem-fonem /k/, /t/ dan /h/.

- i) *Kesatuan terlelah terkejar,
Kedua tercencang teragas,
Ketiga terlecut terpukul,
Kempat putus tali,
Kelima tempang ciak,
Keenam enggang lalu antah patah.*

(Sangguno Dirajo, 1987 : 130)

- ii) *Gaduh hulu dihulukan,
Gaduh hilir dihilirkan,
Gaduh tengah dihinduni.*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 14)

Perbilangan adat dalam contoh (ii), membawa peringatan supaya wujudnya semangat tolong menolong tanpa mengira suku atau kampung. Perkataan *gaduh* tidak bermakna berkelahi dalam konteks di atas. *Gaduh* juga bermakna dihebohkan, difikir dan diambil tindakan terhadap sesuatu.

Makna *gaduh* dalam maksud yang sebenarnya adalah kesusahan yang berlaku di hulu, maka masyarakat di sebelah hilir hendaklah memberi bantuan. Oleh kerana dalam Adat Perpatih, hubungan darah itu berlaku kerana pertalian dalam sesebuah perut atau suku, maka kesan dari serasa itu amat tinggi iaitu seumpama *cubit peha kanan peha kiri terasa sakitnya*. Imbuhan *di* dalam kata *hulu*, berfungsi sebagai kata kerja iaitu satu anjuran perbuatan yang mengarahkan pergi ke hulu, untuk membantu. Jelasnya stail bahasa perbilangan adat di atas mempunyai bentuk pemikiran yang tersirat di sebalik kata-katanya yang tersurat.

Dengan ini, jelaslah bahawa pengulangan yang wujud dalam perbilangan Adat Perpatih bertujuan untuk penegasan dan melalui penggunaannya dapat membantu menimbulkan keberkesanan rasa pengucapan dan inti pemikiran yang ingin disampaikan. Pada keseluruhannya, pengulangan dalam perbilangan adat tertumpu kepada pengulangan perkataan. Penumpuan demikian membuktikan setiap perkataan itu timbul daripada daya saringan dan kepekaan penciptaannya sehingga berhasil membawakan kesan serta pemikiran yang utuh, luas dan mendalam.

Perlambangan Dalam Perbilangan Adat Perpatih

Dalam perbilangan Adat Perpatih, penggunaan perlambangan sebagai satu gaya bahasa yang menggerakkan perkaitan perasaan dan pemikiran lebih banyak terbentuk daripada unsur-unsur alam. Ini ada hubungannya dengan falsafah adat itu yang timbul daripada pemerhatian, penelitian serta pentafsiran terhadap ketentuan-ketentuan alam yang hakiki

dan abadi. Perlambangan dalam puisi antara lain bermaksud menggambarkan sesuatu keadaan dengan menggunakan kata-kata tertentu yang ada persamaannya. Menurut Zurinah Hassan (1995) penggunaan simbol atau perlambangan tidak sahaja menjadikan puisi itu padat, segar dan indah, tetapi juga melalui lambanglah seseorang penyair dapat menyampaikan sesuatu dengan lebih berkesan. Ia tidak hanya mempunyai fungsi dekoratif tetapi juga menguatkan lagi sesuatu puisi itu.

Perlambangan adalah menjadi satu tingkat penyampaian penyair yang paling tinggi kerana sebenarnya ia berlindung di sebalik gambaran yang sempurna dalam dirinya. Perlambangan menggunakan satu susunan gambaran yang mewakili susunan fikiran penyair yang bererti setiap lambang mewakili satu konsep.

Di samping itu juga simbol atau perlambangan yang digunakan bertujuan untuk menarik minat sesiapa saja yang melihatnya. Kadang kala, simbol atau lambang yang digunakan sukar untuk diterima akal. Tetapi bagi sesebuah puisi yang sukar diterima akal itulah yang menjadikan puisi itu berkualiti. Tambahan pula jika melihat perbilangan adat dengan unsur luaran semata-mata maka akan menimbulkan salah tafsiran dan tuduhan-tuduhan ke atas pengamalnya. Antara perlambangan yang wujud dalam perbilangan Adat Perpatih ialah personafikasi, figuratif, metafora dan simili.

Unsur Personafikasi dan Figuratif

Personafikasi ialah pemberian sifat manusia kepada objek-objek bukan manusia. Danziger dan Johnson mentafrikannya sebagai 'writing of an inanimate object or an abstraction as if it were person' (Rahman Shaari, 1984 : 49).

Menurut Keris Mas (1988 : 145) personafikasi ialah binatang dan alam bernyawa dan tidak bernyawa berkelakuan, bercakap dan sebagainya.

Personafikasi merupakan semacam gaya bahasa kiasan yang menggambarkan benda-benda mati atau barang-barang yang tidak bernyawa seolah-olah memiliki sifat-sifat kemanusiaan (Gorys Keraf, 1983 : 140).

Figuratif pula ialah penggunaan kata-kata yang menerbitkan makna yang lain dari makna biasa atau dikatakan sebagai makna yang tersirat. Bahasa figuratif digunakan untuk menimbulkan kesan yang lebih mendalam di samping memperindah pengucapan. Kedua-dua unsur ini boleh didapati dalam kebanyakan perbilangan Adat Perpatih. Misalnya:

*Ular di-palu biar mati,
Kayu pemalu jangan patah,
Tanah di-palu jangan lebang.*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 60)

Unsur perlambangan dalam perbilangan di atas berkaitan dengan undang-undang adat. *Ular* melambangkan seseorang yang melakukan kejahatan. Kejahatan mesti dihapuskan demi kepentingan masyarakat agar perbuatan itu tidak terus berlanjutan. *Kayu pemalu* pula melambangkan ketua Adat yang menjalankan hukuman. Dalam hal ini, beliau haruslah menggunakan kebijaksanaannya dalam menjalankan keadilan. *Tanah dipalu jangan lembang* pula simbol kepada orang yang melakukan kesalahan itu, jangan dibunuh tetapi diberi peluang untuk membaiki kehidupannya, konsep pemulihan dapat dilihat dengan jelas dalam Adat perpatih. Oleh itu, Adat Perpatih tidak hanya menghukum seseorang itu tetapi cuba memberi seseorang itu peluang memperbaiki kesilapan dalam kehidupannya.

Menarik rambut dalam tepung, 109.3 (14)
Tepung jangan berserak,
Rambut jangan putus.

(Mohamed Din Ali, 1957 : 84)

Perbilangan adat di atas membawa unsur perlambangan yang tepat sekali. Sesungguhnya semasa proses mendidik dan memberi pengajaran kepada golongan muda jangan sampai menyakiti sesiapa. Saranan ini dilambangkan seperti *menarik rambut dalam tepung*. Proses ini hendaklah dijalankan secara berhati-hati supaya semuanya selamat dan berjalan dengan lancar. Biasanya sesuatu tindakan yang tergesa-gesa akan meninggalkan kesan yang tidak baik atau negatif. Misalnya yang ditarik itu akan tumpah dan berselerak. Perlambangan sikap supaya berhati-hati bertepatan dengan nilai kebijaksanaan seperti tindakan menarik rambut dalam tepung. Ini kerana *tepung* adalah simbol kepada sesuatu yang

mahal, warnanya yang putih pula menandakan kesucian yang semestinya dijaga dan tepung juga diibaratkan sebagai masyarakat yang hidup bersatu-padu. Dengan itu, jika *tepung* sudah berselerak bererti masyarakat tersebut sudah berpecah belah. *Rambut* pula melambangkan perpaduan di kalangan keluarga dan masyarakat. Jika *rambut* itu dibiarkan putus, maka hubungan persaudaraan yang dibina telah menjadi retak. Jelaslah, bahawa *tepung* dan *rambut* melambangkan perpaduan masyarakat.

*Emas pendinding malu,
Kain pendinding miang.*

(Norhalim Hj. Ibrahim, 1991 : 13)

Perkataan *emas* merupakan unsur perlambangan dalam masyarakat. Menurut tafsiran perbilangan adat di atas membicarakan tentang kedudukan ekonomi seseorang. *Emas* melambangkan harta atau wang. Harta ini berkaitan pula dengan maruah. Seseorang yang tidak mempunyai harta dianggap tidak sempurna hidupnya. Maksud *harta* dalam konteks ini tidaklah semestinya seseorang itu perlu kaya, tetapi individu itu haruslah mempunyai wang yang cukup untuk menyara hidupnya. *Kain* atau pakaian pula dapat melindungi orang daripada terkena miang atau lebih tepat lagi melindungi kehormatan diri daripada tercemar. Dengan ini jelaslah bahawa, kehormatan diri juga banyak bergantung kepada kedudukan ekonomi.

Zainal Kling (1994 : 160) menekankan terdapat suatu kesedaran yang amat mirip kepada fahaman kebendaan yang wajar bagi kehidupan terutama bagi kewujudan individu dan keluarganya sehingga pemilikan

benda itu misalnya *emas* menjadi ideologi dan moraliti. Kebendaan adalah asas ketinggian martabat dan kehidupan yang bermaruah. Justeru itu, amat wajar setiap orang mencari dan mengumpul harta benda sebagai milik mereka.

*Muafakat lalu di dalam gelap,
Adat lalu di tengah terang,
Alah adat oleh muafakat.*

(Muhammad Ariff Ahmad, 1993 : 2)

Personafikasi dalam perbilangan adat ini ditandakan dengan frasa *muafakat lalu* dan *adat lalu*. Muafakat dan adat seolah-olah hidup dan boleh bergerak sama ada dalam gelap atau terang. Walau bagaimanapun, mengikut tafsiran adat sesuatu perkara atau sebarang pertelingkahan yang boleh diselesaikan dengan muafakat, lebih baik diselesaikan dengan muafakat antara mereka yang berperkara (secara gelap) dan tidak perlu mendapatkan campur tangan daripada orang lain atau tidak perlu di bawa menemui lembaga adat untuk dibicarakan. Tetapi jika, pihak yang berperkara itu mahukan kesnya dibicarakan oleh lembaga, maka penyelesaian terpaksa dilakukan secara terbuka atau di tengah terang.

Unsur Metafora

Metafora adalah bahasa kiasan yang menyatakan sesuatu dengan menyebut sesuatu yang lain. Sesuatu objek atau abstrak diberikan sifat objek lain dengan menganggap objek kedua itu mempunyai aspek-aspek persamaan dengan objek pertama (Rahman shaari, 1993: 1). Perbandingan yang dilakukan adalah dalam bentuk yang ringkas biasanya

terdapat dalam satu klausa, tanpa menggunakan perbandingan terus dengan meninggalkan kata seperti bak, bagai, laksana dan ibarat. Misalnya:

*Bulat air kerana pembedung,
Bulat manusia kerana muafakat.*

(Zaaba, 1965 : 172)

Perkataan *bulat* bermaksud bersatu. Semangat untuk bersatu ini boleh dicapai dengan cara menubuhkan satu persatuan, perkumpulan atau persekutuan. Menurut Dharmawijaya, *pembedung* ialah tempat laluan air yang diperbuat daripada buluh. Dikenali juga sebagai pembuluh. Pembedung digunakan pada masa dahulu kerana belum munculnya baldi atau ayan. Pembedung juga bermaksud laluan air di sawah yang dipasang di bawah (dalam) permatang, lazimnya diperbuat daripada bulur aur.

Sebulat atau sekumpul air itu ialah kerana *pembedung*. Bulat atau bersatunya manusia kerana muafakat. *Air* melambangkan masyarakat. *Pembedung* pula boleh dianggap sebagai ketua. Bagi mencapai satu kebulatan atau kesatuan di dalam masyarakat, mestilah ada seorang ketua yang bertanggungjawab menjaga orang yang dipimpinnya.

Dapatlah dikatakan, perbilangan ini membawa konsep muafakat. Muafakat sangat perlu dan penting di dalam kehidupan masyarakat Adat Perpatih. Kepemimpinan di dalam Adat Perpatih berdasarkan budi dan muafakat. Sesuatu keputusan yang hendak dibuat itu mestilah mendapat persetujuan ramai. Seseorang itu berhak menyuarakan pendapatnya di

dalam satu mesyuarat. Apabila adanya muafakat barulah sesuatu pekerjaan itu dapat dijalankan secara bergotong-royong.

*Masok ka-kandang kerbau menguak,
Masok ke-kandang kambing membebek,
Bagaimana adat tempat semenda di-pakai,
Bila bumi di-pijak, mahu-lah langit di-junjung,
Bagaimana adat negeri itu-lah di-pakai.*

(Mohamed Din Ali, 1957 : 64)

Perbilangan adat di atas berkaitan dengan adat orang merantau. Perbilangan di atas membuat perbandingan antara manusia dengan haiwan ternakan mereka. Simbol *kerbau* dan *kambing* adalah jenis ternakan yang dipelihara oleh orang Melayu sejak beratus-ratus tahun dahulu. Sudah menjadi tabiat semulajadi haiwan ternakan ini misalnya kerbau menguak dan kambing pula mengembek. Lalu diambil tabiat haiwan ini untuk dijadikan contoh kepada manusia. Kedua-dua ungkapan ini membawa maksud yang sama iaitu menyesuaikan diri. Ungkapan *masuk ke kandang kerbau menguak* bermaksud orang perlu memahami dan dapat menyesuaikan diri apabila bercampur gaul di dalam sesuatu majlis. Ungkapan *masuk ke kandang kambing membebek* pula menggambarkan seseorang perlu yang dapat menyesuaikan diri apabila berada di negara orang dengan mempelajari adat resam dan kebudayaannya. Perbilangan Adat Perpatih ini seolah-olah memberi nasihat dan amaran kepada masyarakat agar menjaga tatasusila dan mengikut adat resam yang diamalkan di tempat yang mereka tuju seperti mana yang ditegaskan dalam perbilangan di atas, *Bila bumi dipijak, mahulah langit dijunjung*. Mereka tidak boleh mengikut lagak seperti di tempat sendiri kerana ia

akan menimbulkan beberapa masalah yang tidak diingini (A. Samad Idris, 1989 : 50).

*Gemuk dek berpupuk,
Segar dek bersiram.*

114.2 (357)

(A. Samad Idris, 1984 : 42)

Perbilangan ini mengambil kiasan dari tumbuh-tumbuhan. *Gemuk* menandakan sihat. Ini kerana, tumbuh-tumbuhan itu dipupuk atau ditaburkan baja di sekelilingnya. *Segar* pula menandakan tanaman atau tumbuhan itu telah disiram dengan air. Jika perbilangan adat di atas dikaitkan dengan kehidupan manusia sehari-hari antara hubungan suami isteri, anak beranak atau adik beradik dan antara rakan sejawat bagi menghidupkan perasaan saling mengerti atau kasih sayang serta menguatkan perasaan muhibah hendaklah sentiasa disuburkan dengan jalan perasaan, kelakuan atau timbang rasa dan budi bahasa yang boleh mencapai maksud yang tersebut tadi. Dengan kata lain, kalau seseorang itu hendak mengusahakan sesuatu pekerjaan yang menjadi tanggungjawabnya maka haruslah masyarakat selalu memberi sokongan dan galakan akan pekerjaan itu supaya maju dan berjaya.

*Ada pertemuan dinikahi,
Habis pertemuan dicerai,
Carian bahagi,
Dapatan tinggal,
Pembawa kembali,
Bersuang, beragih.*

115.6 (167)

(Mohd. Yusof b. Md. Nor, 1994 : 409)

Perbilangan di atas menjelaskan bahawa apabila ada jodoh (pertemuan) maka berkahwinlah, dan setelah tiada jodoh atau berlaku penceraian antara suami isteri maka segala harta akan ditentukan dan diagihkan. Akibat daripada ini, maka timbul pertanyaan atau berlaku salah faham, serta cemuhan oleh masyarakat luar terhadap Adat Perpatih. Ini kerana, mereka memandang perbilangan adat ini dari luar sahaja tanpa mengkaji maksudnya yang sebenar. Pernyataan harta lelaki akan bulat atau diserahkan segalanya kepada pihak perempuan adalah salah. Sebenarnya, *carian bahagi* melambangkan harta yang dikumpul sewaktu menjadi suami isteri. Harta ini hendaklah dibahagi sama rata secara adil. Misalnya sebuah rumah yang mereka dirikan semasa menjadi suami isteri di atas tapak yang mereka beli, sekalipun gerannya atas nama isteri atau suami maka harta itu hendaklah dinilai dan dibahagi dua.

Dapatan tinggal pula melambangkan harta dapatan atau harta kepunyaan isteri semasa belum berkahwin, tidak kiralah harta itu berupa tapak rumah, barang kemas atau sebagainya. Harta itu hendaklah ditinggalkan kepada si isteri dan si suami tidak berhak mengambil harta dapatan ini.

Pembawa kembali pula melambangkan harta milik si suami sebelum berkahwin. Ia dikenali juga sebagai harta bawaan atau *pembawa*. Harta kategori ini seperti kereta, pakaian dan sebagainya yang menjadi milik suami. Oleh itu mestilah dikembalikan kepada pihak lelaki dan si isteri tidak berhak langsung untuk menuntutnya.

*Ibarat limau masam sebelah
Perahu karam sekerat,
Tiba di mata dipicingkan,
Tiba di perut dikempiskan.*

(Hashim A. Ghani, 1974 : 116)

Perbilangan yang tersebut di atas menyatakan tentang konsep keadilan. Perkataan *limau* dan *perahu* adalah simbol kepada seorang pemimpin yang tidak berlaku adil di dalam menjalankan tugasnya. Biasanya, limau yang masam sebelah ialah limau yang telah rosak isinya. Jika perahu karam sekerat bererti terdapat kebocoran di lantai perahu tersebut.

Seseorang pemimpin yang berlaku tidak adil samalah seperti *limau masam sebelah* dan *perahu karam sekerat*. Misalnya, jika terdapat salah seorang dari keluarganya yang melakukan kesalahan, dia (Ketua) tidak menjatuhkan hukuman yang setimpal atau melepaskan si pesalah begitu sahaja. Inilah yang dikatakan *tiba di mata dipicingkan, tiba di perut dikempiskan*. *Mata dipicingkan* bermaksud memejamkan mata seolah-olah tidak mengetahui apa-apa yang berlaku. *Perut dikempiskan* bererti menyangkal tuduhan-tuduhan yang dikenakan terhadap keluarga atau waris yang bersalah. Secara tidak langsung, perbilangan ini menyeru kepada para pemimpin supaya sentiasa bersikap adil terhadap orang yang dipimpinnya.

Unsur Simile

Perbandingan simile atau perbandingan secara langsung antara dua amat kurang ditemui dalam perbilangan Adat Perpatih. Keadaan ini berlaku kerana masyarakat Adat Perpatih lebih gemar menggunakan

bentuk perbandingan yang menuntut pemikiran yang kritis. Oleh itu, jika unsur simile digunakan hanyalah untuk hal-hal yang tertentu. Simile menurut E.J. Gordon (1964 : 486) ialah:

"A comparison between two things essentially, unlike but with one or perhaps several by a word such as like, as or as it."

Secara ringkasnya, simile merupakan sejenis perbandingan yang didahului dengan kata-kata seperti bak, bagai, umpama, laksana, ibarat dan sebagainya. Keterangan ini ditegaskan lagi oleh Rahman Shaari. Menurut beliau, simile adalah bahasa perbandingan antara objek atau konsep dengan objek lain yang sebenarnya tidak sama. Perbandingan ini sebenarnya bersifat imaginatif, dianggap perbandingan peringkat rendah kerana kata-kata perbandingan yang digunakan ialah bagaikan, seperti, umpama, macam dan lain-lain lagi. Contohnya:

*Bagai mentimun dengan durian,
menggolek luka,
kena golek pun luka,
bagai abu atas tunggul.*

117 : 4 (30)

(Mohamed Din Ali, 1957 : 64)

Perkataan *bagai* di atas menunjukkan unsur simile. Perbandingan *bagai mentimun dengan durian, menggolek luka, kena golek pun luka* adalah menitikberatkan pergaulan individu di dalam masyarakat. *Timun* merupakan simbol kepada individu yang lemah, miskin dan daif dan *durian* dengan durinya yang terancang adalah simbol orang-orang kuat, kaya dan berpengaruh dalam masyarakat. Oleh itu, individu itu mesti

mengikut kehendak masyarakat. Kalau dia menentang juga bermakna seseorang melawan yang ramai. Walau bagaimanapun dia tidak akan menang.

Perbilangan *bagai abu atas tunggul* merujuk kepada orang yang tidak dikehendaki, diperlukan atau tidak penting dalam masyarakat dan berkelakuan jahat di tempat isterinya. Seseorang yang berkelakuan seperti itu akan sentiasa terancam kedudukannya, walaupun di mana dia berada. Kedudukannya tidak akan tetap sebagaimana *abu* yang sentiasa ditiup angin.

*Seikat seperti seribu,
Serumpun seperti serai,
Seciap seperti ayam,
Sedencing seperti besi.*

(Mohd. Yusof Md. Nor, 1994 : 404)

Perkataan *seperti* adalah unsur perbandingan simile. Perkara yang hendak disampaikan oleh perbilangan di atas ialah tentang konsep muafakat dan perpaduan. Masyarakat itu hendaklah bersatu padu seperti *seikat sirih* dan *serumpun serai*. *Seikat sirih* bererti sirih itu disusun dengan rapi dan kemudiannya diikat dengan kukuh. Sekiranya sirih tersebut tidak disusun dengan baik, maka ikatan-ikatannya akan mudah terurai dan longgar. Begitu juga halnya, dengan masyarakat yang tidak dikendalikan dengan baik akan mudah berpecah belah. *Serumpun serai* bermaksud sesuatu yang banyak atau rendang tetapi terkumpul di suatu tempat. Ini melambangkan satu persatuan. Apabila adanya persatuan dan perpaduan, kedudukan masyarakat tersebut akan kukuh.

Perkataan *seciap* bererti sekata kerana anak-anak ayam berbunyi (menciap) serentak. *Sedencing* bermaksud kumpulan/ikatan besi yang dihempaskan akan mengeluarkan bunyi yang sekali dan serentak. Oleh itu *seciap seperti ayam* dan *sedencing seperti besi* bermaksud sebarang keputusan yang diambil itu mestilah mendapat persetujuan ramai atau kata sepakat.

Jelaslah bahawa, perbilangan Adat Perpatih sama seperti puisi yang lain juga mengandungi unsur-unsur estetika misalnya perlambangan dan pengulangan kata atau kalimat. Penggunaan lambang seperti personafikasi, simile metafora dan figuratif ini, sebenarnya bukan sahaja untuk mengindahkan sesebuah puisi, tetapi yang lebih utama ialah supaya dapat menyampaikan mesej secara lebih berkesan.

Selain daripada unsur perlambangan, terdapat juga unsur kesejajaran dalam perbilangan adat iaitu pengulangan kata-kata atau kalimat yang sama pada tempat yang sama. Penggunaannya dianggap sebagai satu cara untuk menguatkan dan menegaskan lagi maksud tertentu yang hendak disampaikan. Selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk membawa kesegaran gambaran suasana supaya dapat memberi kesan perasaan yang mendalam.

BIBLIOGRAFI

BUKU

Abdullah Siddik (1975). *Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Rahman Hj. Muhammad (1964). *Dasar-dasar Adat Perpatih*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.

A. Samad Idris (1989). *Buat Baik Berpada-pada ... Dengan 300 Pepatah*. Kuala Lumpur : Pustaka Budiman.

——— (1990). *Payung Berkembang*. Kuala Lumpur : Pustaka Budiman.

A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, Hj. Muhamad Tainu, Dharmala N.S. (1994). *Adat Merentas Zaman*. Seremban : Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.

Alwi Salim (1983). *Puisi Melayu*. Petaling Jaya : Fajar Bakti.

Ali Akhbar Naris (1986). *Alam Berkembang Jadi Guru, Adat dan Kebudayaan Minangkabau*. Jakarta : Pustaka Grafitipers.

Annas Ahmad (1970). *Sastera Melayu Lama*. Penang : Sinaran Bros.

Anis Sabirin (1971). *Mengenal Puisi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Arenawati (1971). *Asas Pengetahuan Puisi*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.

Asmad (1990). *Budaya Bahasa (I) Puisi*. Kuala Lumpur : Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.

Awang Sariyan (ed) (1985). *Dari Kata Ke Ideologi : Persoalan Stilistik Melayu*. Petaling Jaya. Fajar Bakti.

Awang Had Salleh (1983). *Sedikit Tentang Makna Dalam Rencana Linguistik*. Penyusun : Abdullah Hassan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Gardon, B.J. (1964). *Types of Literature*. Boston : Ginn and Company.

Gorys Keraf (1981). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta : Nusa Indah.

Dahlan, H.M. (1994). Sistem Idea Dalam Masyarakat Adat (Suatu Renungan Tentang Struktur Sosial Adat Perpatih) dlm. A. Samad Idris et. al, *Adat Merentas Zaman*, Seremban : Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.

- Hamka (1984). *Islam dan Adat Minangkabau*. Jakarta : Penerbit Pustaka Panjimas.
- Harun Mat Piah (1989). *Puisi Melayu Tradisional Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harimurti Kridalaksana (1984). *Kamus Linguistik*. Jakarta : Penerbit PT Gramedia.
- Henry Guntur Taringan (1985). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung : Penerbit Angkasa.
- Hooker, M.B. (1972). *Adat Laws In Modern Malaya : Land Tenure, Tradisional Government and Religion*. Kuala Lumpur : Oxford University Press.
- Ibrahim Atin (1959). *Perbilangan Adat*. Pulau Pinang : Sinaran Bros.
- Idrus Hakimy (1978). *Rangkaian Mustika Adat Basandi Syarak Di Minangkabau*. Bandung : CV Rosda.
- Idrus Hakimy Dt. Rajo Abdullah (1978). *Pokok-pokok Pengetahuan Adat Alam Minangkabau*. Bandung : Ramadja Karya C.V.
- Innes (). *Notes on Naning Customs*. Seremban : Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.
- Ismail Hamid (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur : Longman.
- Keris Mas (1988). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech and Short (1981). *Style In Fiction*. London : Longman.
- Masuri S.N. (1986). *Puisi Moden*. Singapura : Pustaka Nasional.
- Mohd. Ali Bachik (1989). *Himpunan Puisi Klasik*. Selangor : Marwilis Publisher and Distributors.
- Mohd. Sidin Ishak (1992). *Ketrampilan Menulis*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman (1975). *Warisan Puisi Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Md. Nor (1983). *Rampaisari Puisi Warisan*. Petaling Jaya : Fajar Bakti.
- Mat Isa Yunus (1973). *34 Ragam Gaya Bahasa Dalam Penulisan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohtar Md. Dom (1977). *Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia*. Petaling Jaya : Federal Publications.

- Muhammad Ariff (1993). *Bicara Tentang Adat dan Tradisi*. Pustaka Nasional Pte. Ltd. Singapura.
- Muhammad Din Ali (1957). *Pepatah Adat Melayu*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- (1957). *Sambaan Cakap dan Pepatah Adat Melayu : Penggal Ketiga*. Tanpa Penerbit.
- Muhammad Hj. Salleh (1988). *Pengalaman Puisi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naapie Mat (1992). *Puisi Lama*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Nasroen (1971). *Dasar Falsafah Adat Minangkabau*. Jakarta : Bulan Bintang.
- Nordin Selat (1976). *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur : Utusan Melayu (M) Berhad.
- (1978). *Renungan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors.
- Norhalim Hj. Ibrahim (1993). *Adat Perpatih Perbezaan dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- (1996). *Perkahwinan Adat Di Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- Rahman Shaari (1981). *Di Sekitar Sastera dan Kritikan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications Sdn. Bhd.
- (1981). *Bimbingan Istilah Sastera*. Kuala Lumpur : Karya Bistari Sdn. Bhd.
- (1985). *Memahami Istilah Sastera*. Kuala Lumpur : Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Sutan Takdir Alisjahbana (1961). *Puisi Lama*. Jakarta : Pustaka Rakyat.
- Umar Junus (1984). *Sastera Melayu Moden : Fakta dan Interpretasi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (1989). *Statistik Satu Pengantar*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (ed) (1993). *Gaya Dalam Cereka : Penerapan Linguistik Dalam Prosa Cereka Inggeris*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Zaaba) (1964). *Kalong Bunga*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. (1953). *Pelita Bahasa Melayu III*, London : Mac Millan and Co. Limited.

MAJALAH/ESEI/KERTAS KERJA/AKHBAR

Abbas Ali (1974). "Sebahagian Dari Dasar Adat : Tinjauan Umum" Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Seremban.

Abdullah Siddik (1974). "Adat dan Modenisasi". Kertas Kerja Persejarahan dan Adat Perpatih, Seremban.

Abd. Kahar Bador (1963). Kinship and Marriages Among the Negeri Sembilan Malays. Tesis Sarjada Di Department of Anthropology, School of Economics London : University of London.

Abd. Razak Abu Samah (1978/79). Upacara-upacara perubahan Hidup Dalam Adat Istiadat Masyarakat Melayu Daerah Tampin, Negeri Sembilan : Ditinjau Dari Kaca Mata Islam. Latihan Ilmiah. Bangi : IBKKM Universiti Kebangsaan Malaysia.

A. Samad Idris (1994). Secebis Mengenai : Adat Perpatih, Nilai dan Falsafahnya dlm. *Adat Merentas Zaman*, pnyt. A. Samaad Idris, Norhalim Ibrahim, Muhammad Tainu dan Dharmala NS. Negeri Sembilan : Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.

_____. (1984). Adat Perpatih : Nilai dan Falsafahnya. *Dewan Masyarakat*, Jun : 52-55.

_____. (1995). Peribahasa Melayu Negatif? *Utusan Malaysia*. 16 Disember 1995 : 22.

_____. (1974). "Kemurniaan Dalam Adat Perpatih". Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 10-12 April 1974.

Aripin Said (1991). "Perbilangan : Undang-undang Yang Tidak Dikuatkuasakan" dlm *Pelita Bahasa*, Disember 1991 Jilid 3, Bil. 12 (hlm. 38).

Asmah Hj. Omar (1984). "Falsafah Bahasa Sepanjang Zaman" dlm. *Dewan Masyarakat*". Okt. 1984, Jilid 28, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan (1985). "Stalistik Dalam Sastera Melayu - Pendekatan Linguistik" dlm. *Dewan Sastera*", Dis. 1985 hlm. 68-72.

Azizah Ujang (1984). Perbilangan Adat Perpatih : Penilaian Dari Segi Etik dan Estetika, Latihan Ilmiah, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Caldecott A. (1918). "Jelevu Customary Songs and Sayings", Journal Straits Branch of Royal Asiatic Society, No. 78.
- Dharmawijaya (1994). "Perbilangan Adat Perpatih : Ditinjau Dari Keindahan Bahasa" dlm. *Adat Merentas Zaman*, Seremban : Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.
- Hashim Ghani (1974). "Kata Perbilangan dan Tafsirannya". Kertas Kerja Seminar Persejaraan dan Adat Perpatih, Seremban (10-12 April 1974).
- Hamzah Osman (1995). "Peribahasa Melayu Perlu Dikaji Semula" *Utusan Malaysia*. 9 Dis. : 22.
- Humphrey, H.L. (1916). "A Naning Wedding Speech". Journal Straits Branch of Royal Society, Vol. LXXII, hlm. 25-23.
- Hyde, A. (1928). "A Naning Terumba". Journal Straits Branch of Royal Asiatic Society, Vol. VI Part 4.
- Idris Tain (1974). "Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan". Kertas Kerja Seminar Persejaraan dan Adat Perpatih, Seremban.
- Idrus Hakimy (1984). "Adat Minangkabau Basandi Syarak, Basandi Kitabullah Dalam Pembangunan Masyarakat Adaat". Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, 3-5 Mei 1984. Serdang : Universiti Pertanian Malaysia.
- Ishak Ramly dan Goh Ong Sing (1990). "Menilai Perkembangan Peribahasa Melayu". dlm. *Dewan Bahasa*. Jilid 34, Bil. 4 (hlm. 283-291).
- Jamaludin Abdullah (1959). "Kata-kata Adat dan Perbilangan" dlm. *Mastika* (hlm. 4), Kuala Lumpur.
- Kamarudin Hj. Kachar (1991). "Peranan Pendidikan Adat Perpatih Dalam Membentuk Masyarakat Yang Bersatu Padu, Progresif dan Dinamik dlm. *Budaya Negeri*, Jan. 1991, bil. 1.91 (hlm. 4).
- Mohd. Yusof Md. Nor (1994). "Perlambangan Dalam Perbilangan Adat Perpatih" dlm. A. Samad Idris et. al, *Adat Merentas Zaman* Seremban : Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.
- Md. Sharif Fakeh Hasan (1974). "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan Kaitannya di Minangkabau". Kertas Kerja Seminar Persejaraan, Seremban.
- _____. (1988). "Keberkesenan Adat Perpatih Di Dalam Pembentukan Sebuah Masyarakat Yang Dinamis". Seminar Adat Perpatih 17-18 Sept. 1988, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa Hj. Ahmad (1988). "Adat Perpatih Dan Syarak Di Negeri Sembilan". Seminar Adat Perpatih, 17-18 Sept. 1988, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nordin Selat (1974). "Pengumpulan dan Pengajian Terhadap Perbilangan Adat Perpatih : Tinjauan terhadap yang sudah dilakukan dan cadangan-cadangan untuk Masa Depan" Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Norazit Selat (1994). "Manifestasi Adat Dalam Adat Perpatih". Kertas Kerja Seminar Kosmologi Melayu, Anjuran Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Norhalim Hj. Ibrahim (1988). "Kesesuaian Adat perpatih dan Cabaran Masa Kini". Seminar Adat Perpatih, 17-18 Sept. 1988, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. (1993). "Adat Perpatih : Sejarah dan Sistem Sosial" dlm. *Budaya Negeri*. Bil. 11-12/93, Julai-Okt. 1993, Seremban.
- _____. (1991). "Sistem Nisab Ibu Di Negeri Sembilan" dlm. *Budaya negeri*, Bil. 4/91, Okt. 1991, Seremban.
- _____. (1992). "Sistem Sosial Adat Perpatih". Seminar Warisan Adat Perpatih, 11 Sept. 1992, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hasiyah Harun (1991). "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan" dlm. *Budaya Negeri*. Bil. 3/91, Julai 1991, Seremban.
- Norzali Hj. Ibrahim (1987). "Perbilangan Menerima Cincin" dlm. *Warisan Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, Cawangan Negeri Sembilan, keluaran 12, Seremban.
- Parr dan C.W.C. Mackay (1910). "Rembau, One of the Nine States, Its History, Constitution and Customs". *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. LVI.
- Ramli Othman (1993). Perbilangan Adat Perpatih : Analisis Dari Segi Falsafah dan Gaya Bahasa. Latihan Ilmiah Serdang : Universiti Pertanian Malaysia.
- Rahman Shaari (1990). "Gaya Bahasa dan Tatabahasa Dalam Penulisan" dan *Pesan*, Jawatankuasa Bulan Bahasa : 103-205.
- Shamsiah Abdul Rahman (1975). "Bahasa Perbilangan Dalam Istiadat Perkahwinan Dalam Adat Perpatih". Latihan Ilmiah, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Taha Abd. Kadir (1988). "Dilema Yang Wujud Dalam Masyarakat Adat Perpatih Masa Kini". Seminar Adat Perpatih, 17-18 Sept. 1988, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. (1995). "Puisi Melayu Tradisi" dlm. *Mastika*. Mei : 50-1.
- Umar Junus (1980). "Kesan Daripada Suatu Unsur Gaya" dlm. *Dewan Bahasa*, Julai, Jilid 24, Bil. 27 (hlm. 36) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- _____. (1990). "Bermain Dengan Pepatah dan Ungkapan". dlm. *Dewan Budaya*, Nov. 40-41.
- Wilkinson, R.J. (1908). "Malay Law". Papers on Malay Subjects, Law Part 1, UPM. 7.
- _____. (1923). "Notes on Negeri Sembilan In the papers on Malay Subjects". Kuala Lumpur : Reprinted by OUP, KL, 1971.
- Winstedt, R.O. (1928). "Some Rembau Customary Sayings". *JMBRAS*, Vol. 6, Part 4, nove. 1928, hlm. 54-55.
- Yaakob Idrus (1986). "Perbilangan Adat Pinang Minang". dlm. *Warisan*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri sebilan, keluaran 11, Seremban.
- Yaakob Idrus dan Norzali Ibrahim (1989). "Teromba dan Perbilangan Adat". dlm. Jurnal Persatuan Sejarah, Cawangan Negeri Sembilan, Keluaran 12, hlm. 47-56, Seremban.
- Yeop Johari Yaakob (1988). "Stalistik Dalam Kata Perbilangan Adat". Seminar Adat Perpatih, 17-18 Sept. 1988, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Kling (1994). "Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat" dlm. A. Samad Idris et. al, *Adat Merentas Zaman*, Seremban : Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.

Straits Branch
of the
Royal Asiatic Society

June 15th, 1918.

Reprinted with the permission of the
ROYAL ASIATIC SOCIETY, MALAYAN BRANCH

KRAUS REPRINT LTD.

Vaduz

1965

PĒBILANGAN ADAT.

- 1 Kita anak Minangkaban,¹
Yang di-bawah langit dan di-muka bumi,²
Sa-lingkar Gunong Bĕrapi,³
Sa-hingga Pintu Raya hilir,⁴
Hingga Si-Lĕgundi mudik,⁵
Yang bĕrnama tanah Sumatĕra,⁶
Pulau Andĕlas.⁷
- 2 Sa-bingkah tanah tĕrbalek,¹
Sa-hĕlai akar yang putus,²
Sa-batang kayu rĕbah—³
Adat dĕngan pĕsaka bĕlum di-adakan.⁴
- 3 Tĕtĕkala¹
Kampung sudah bĕrsudut,²
Sawah sudah bĕrjinjang,³
Puchok sudah mĕliok,⁴
Pinang sudah bĕrjijir⁵
Adat dĕngan pĕsaka di-adakan, ia-itu—⁶
- 4 Alam bĕraja,¹
Luak bĕrpĕnghulu,²
Suku bĕrtua³
Anak buah bĕribu-bapa.⁴
Orang sĕmanda bĕrtĕmpat sĕmanda.⁵
- 5 Kunchi bini laki,¹
Kunchi sĕmanda tĕmpat sĕmanda,²
Kunchi anak buah ibu bapa,³
Kunchi luak pĕnghulu,⁴
Kunchi alam raja.⁵
- 6 Adat yang bĕrjanjang² naik, bĕrtangga turun;³
Bĕrlukis, bĕrlĕmbaga,⁴
Bĕrtiru,⁵ bĕrtĕladan,⁶
- 7 Pulai nan bĕrpangkat naik,¹
Manusia bĕrpangkat turun.²

1 Sometimes are added:

*Gĕdong bĕrtaukeh, parit bĕrpoyang,
Po bĕrbun, gĕlunggang bĕrjuara.*

'Shops have keepers, mining sluices diviners to open them,
'Gaming tables croupiers, cock-pits trainers of cocks.'

2 Janjang "the steps of a ladder—to the pĕran or roof loft."

3 I.e. Society and the political constitution has different grades. A tilah will go downwards through the Undang to the Penghulus, through the Penghulus to the Lembagas, through the

- 8 Kambing biasa mēmbebek, 1
 Kērbau biasa mēnguak, 2
 Ayam biasa bērkokok, 3
 Murai biasa bērkichau, 4
 Pēnghulu biasa mēnghukumkan adat, 5
 Alim biasa mēnghukumkan shara', 6
 Hulubalang biasa mēnjarah, 7
 Juara biasa mēlēpas, 8
 Saudagar biasa bērmāin bungkal tēraju, 9
 Pērēmpuan biasa bērusahakun bēnang dan kapas 10 ✓

- 9 Raja sa-kēadilan, 1
 Pēnghulu sa-undang, 2
 Tua sa-lēmbaga, 3
 Waris sa-pēsaka, 4
 Ibu-bapa sa-adat, 5
 Tēmpat sēmanda satu shahadat, 6
 Orang sēmanda sa-rēsam. 17 ✓

- 10 Raja bērdaulat, 1
 Pēnghulu bērandika; 2
 Raja bērtitah, 3
 Pēnghulu bērsabda; 4
 Raja bērkhalifah, 5
 Pēnghulu bērsuku. 6
 Undang bērkēlantasan, 7
 Lēmbaga bērsēkat. 8
 Raja bērsējarah, 9
 Pēnghulu bērsalasilah, 10
 Lēmbaga bērtēromba. 11 ✓

- 11 Raja bērdaulat dalam alam-nya, 1
 Pēnghulu bērnobat dalam suku-nya, 2
 Buapa bērnobat dalam anak-buah-nya, 3
 Orang banyak bērnobat dalam tēratak-nya. 4 ✓

- 12 Salah hamba ka-pada tuan, 1
 Salah murid ka-pada guru, 2
 Salah anak ka-pada bapa, 3
 Salah bini ka-pada laki. 4 ✓

- 13 Titah di-junjong sa-pēnoh-pēnoh kēpala, 1
 Sabda di-pikul sa-untok-untok bahu. 2 ✓

- 14 Kēlēbahan umat dēngan muafakat, 1
 Kēlēbahan nabi dēngan makjizat; 2
 Bulat ayer karna pēmatong, 3
 Bulat manusia karna muafakat. 4 ✓

1 I.e. the adat pinang-mēminang.

2 At Sri Menanti gopong 'a coconut-shell water vessel' takes the place of pēmatong.

- 15 Tětëkala kěchil bėrnama muafakat, 1
 Tětëkala bėsar bėrnama adat: 2
 Si-raja adat ka-pada muafakat. 3
 Ayer mėlurut dėngan bandar-nya, 4
 Bėnar mėlurut dėngan pakat-nya, 5
 Nėgėri-bėrtumbuh dėngan adat-nya. 6 ✓
- 16 Muafakat lalu di-dalam gėlap, 1
 Adat lalu di-tėngah tėrang. 2
 Hilang adat karna muafakat. 3 ✓
- 17 Hidup di-kandong adat, 1
 Mati di-kandong bumi. 2 ✓
- 18 Bujur lalu, lintang patah: 1
 Makanan adat dėngan pėsaka. 2 ✓
- 19 Kata orang kata bėrchalun,¹ kata bėrbalok. 1
 Kata pėgawai kata bėrubong. 2
 Kata hulubalang kata tunggal. 3
 Kata undang kata pėrhiasan. 4
 Kata raja kata bėrliput. 5
 Kata maalim² kata hakikat. 6
 Kata adat kata yang bėnar. 7 ✓
- 20 Ka-laut mėnuju alur; 1
 Ka-darat mėnuju bėnar; 2
 Bėrtahun mėnuju musim, 3
 Kalau ta' mėnuju alur, tumpat karam; 4
 Ka-darat ta' mėnuju bėnar, siar bakar; 5
 Bėrtahun ta' mėnuju musim, sambang hangus. 6 ✓
- 21 Bėrdiri mėninjau jarah, 1
 Dudok mėraut ranjau, 2
 Mėnyėrodok galas lalu, 3
 Mėnyėlam minum ayer, 4
 Lain bidok lain galang. 5 ✓
- 22 Kaki tėrdorong, badan binasa; 1
 Chėpat tangan, dapat utang; 2
 Mulut tėrkata-kata, ėmas pada; 3
 Tėrpijak bėnang arang, hitam tapak. 4 ✓

1 "Disputatious."

2 Jelebu reads *ĩmu*, obviously a corruption of the usual Minangkabau version, which we have adopted.

23 Kēputusan adat tiga pērkarā:—

Pertama adat mansiang¹ ia-itu tērjali,²

Kēdua adat tiang ia-itu adat bērkēbulatan,³

Kētiga adat kitabu'llah ia-itu hukum Kuran⁴

24 Pada adat mēnghilangkan yang burok,¹

Mēnimbulkan yang baik;²

Pada shara' mēnyuroh bērbuat baik.³

Mēninggalkan bērbuat jahat.⁴

25 Adat bērsēndi hukum,¹

Hukum bērsēndi kitabu'llah.²

Kuat adat, ta' gadoh hukum,³

Kuat hukum, ta' gadoh adat.⁴

Ibu hukum muafakat,⁵

Ibu adat muafakat.⁶

26 Adat bērtanda, hukum bērsaksi;¹

Adat yang tiba ka-gēlap mēnjala,²

Tiba ka-tērang mēnumpu;³

Tinggi di-sigai,⁴

Kēras di-takek,⁵

Lēmbut di-sudu.⁶

27 Sah, kata adat,¹

Apa-bila tērtanda, tērbeti;²

Tērkējar, tērlēlah;³

Tērpakok, tērpauk;⁴

Dēkat, tērtunjokkan;⁵

Jauh, tērkatakan.⁶

28 Undang-undang churi:¹

Pantang dua-bēlas—²

Tiang tērpalang,³ dinding tērētās,³

Tērkējar tērlēlah,⁴

Tērēbut tērampas,⁵

Tērchinchang tērpakok,⁶

Di-gēdabang, di-gēdabekkan,⁷

Di-sērang, di-kēlēkai,⁸

Nama kinchang kichoh,⁹

Bēranggur, kalak-kalak,¹⁰

Tiga kali ēmpat sa-puloh dua.¹¹

¹ E.g. *Patah tumbuh* 'when an officer dies, a successor must be chosen' is *adat mansiang*: *hilang bērganti* 'if an officer vanishes, another must be chosen in his place' is *adat tiang*—for if a man goes into the forest and does not return, it is presumed by the *adat tiang* that he is dead.—A.C.

- 29 Enggang lalu, ranting patah. 1
Mara hinggap, mara terbang. 2
Lalu hangus, surut layu. 3
Tergesek kena miang, 4
Tergegar kena embun. 5
- 30 Bersurih ba' si-pasin, 1
Bêrlondar ba' lungkitang, 2
Bêrbau ba' machang. 3
Ka-hulu ta' tentu gaung-nya, 4
Ka-hilir ta' tentu kualu. 5
- 31 Mana anjing mēnyalak, di-situ biawak mēmanjat; 1
Mana tēmiang tērentak, di-situ tanam-tanaman jadi; 2
Mana kayu tumbang, di-situ chēndawan tumbuh 3
Kilat bēliong ka-pada kaki, 4
Kilat pisau ka-pada tangan, 5
- 32 Chupak yang pēpat, 1
Gantang yang piawi, 2
Bongkal yang bētul, 3
Tēraju yang baik, 4
Tiada boleh di-aleh lagi. 5
- 33 Tiba di-mata, jangan di-lēlapkan; 1
Tiba di-pērut, jangan di-kēmpiskan. 2
Ular di-palu biar mati, 3
Kayu pēmalu jangan patah, 4
Tanah di-palu jangan limbang, 5
Lēmah liat kayu akar, 6
Di-lēntok mau, di-patah jangan. 7
- 34 Mēnumbok di-lēsong, 1
Bērtanak di-pēriok, 2
- 35 Ka-pada raja 1
Hari malam, bulan (?) bērsirau, 2
Kērbau bērlaga dalam kandang 3
Ka-pada undang 4
Ayam hitam terbang malam, 5
Hinggap kayu bērdaun. 6
Ka-pada lēmbaga 7
Ayam putih terbang siang, 8
Hinggap kayu mēranting. 9

1 Cf. "Adatrechtbundel" VI, p. 445.

2 Malay casuists distinguish four points in these four lines =
(1) = if the bench of judges be full (2) = if they have full

- 36 Tali pëngikat dari-pada lëmbaga,¹
 Këris pënyalang dari-pada undang,²
 Pëdang mëmanchong dari-pada këadilân.³
 Tikam ta' bërtanya,⁴
 Panchong ta' bërkhabar.⁵
- 3736 Hukuman raja¹
 Ènam-puloh ènam kupang,²
 Tujoh tahl, sa-paha,³
 Sa-këndi, sa-këndëri,⁴
 Sa-isi lësang pësok,⁵
 Sa-ruas buloh tëlâng,⁶
 Sa-kochong lëngan baju.¹⁷
- 38 Dahaga dahagi,¹
 Sumbang, salah,²
 Rëbut, rampas,³
 Siar, bakar,⁴
 Maling, churi,⁵
 Kichang, kichoh,⁶
 Upas,⁷ rachun,⁸
 Tikam, bunoh,⁹
 Samun, sakal,—⁹
 Pantang ka-pada adat.¹⁰
- 39 Upas rachun, sisa makan.¹
- 40
 29 Chinchang pampas;⁷ bunoh bëri balas,⁷
 Anak di-panggil makan,²
 Anak buah di-sorong 'kan balas.³

¹ In Muar the following lines are added:—

Sa-gantang ulang-aling,

Sa-pëting tali bajak.

² "Opposition to and uproar against constituted authority"
 —Willinek, p. 847 and Van der Toorn's "Woordenboek." *Dër-
 haka chëlaka*, which often precedes this line in N. S. is a
 paraphrase of it.

³ *Salah* = *sësalahan* "fornication" and is reckoned constant-
 ly as a separate crime in Minangkabau lists of *salah dua-puloh*.

⁴ *Kinchang* and *kichang* both occur: v. Van der Toorn's
 "Woordenboek." For *kichong* some Minangkabau MSS. read
lanchong and explain it as including "embezzlement" unlike
kichoh which means all other forms of "swindling."

⁵ *Upas* = drugging with intent to render senseless but not to
 kill.

⁶ *Bunoh* embraces wilful murder, culpable homicide, and
 accidental homicide.

- 41 ~~40~~ Pëlësit dua sa-kampong,¹
 Ènau sa-batang dua sigai²
 Mata tumboli tiada bërbenéh,³
 Sumbang ka-pada tabiat.⁴
 Adat mënaju ka-pada tanda.⁵
 Bila "Sah" kata adat tiang,⁶
 Janggal ta' boleh di-patoh lagi,⁷
 Salah ta' boleh di-hukum:⁸
 Ia-itu suatu di-bëri, dua di-ambil⁹ ✓
- 42 ~~41~~ Terkurong mati,¹
 Tërtanda bërutang.² ✓
- 43 ~~42~~ Këpantangan adat,¹
 Di-lindong di-ëndapkan.²
 Këpëjatian adat,³
 Di-tërang di-bandingkan.⁴ ✓
- 44 ~~43~~ Jalan raya, titian batu,¹
 Bukit bukau,² ✓
 Rimba yang sunyi,³
 Gaung yang dalam,⁴
 Lëpan yang lebar,⁵
 Bandar yang sundai,⁶
 Si-barau-barau yang punya.⁷
 Lubok dalam si-kitang-kitang yang punya.⁸
 Gaung guntong,⁹
 Bukit bukau¹⁰
 Waris dan pënghulu yang punya.¹¹
 Sawah yang bërjinjang,¹² ✓
 Pinang yang gayu,¹³
 Nyiur yang saka,¹⁴
 Lëmbaga yang punya.¹⁵
 Anak buah yang bërchalun,¹⁶
 Ibu-bapa yang punya.¹⁷
 Orang sëmenda yang gadoh bër-suarang,¹⁸
 Anak buah yang punya.¹⁹
 Lingkongan bëndul yang ëmpat,²⁰
 Orang sëmenda yang punya.²¹
 Jalan raya titian batu,²²
 Raja yang ëmpunya.²³ ✓

¹ This, like the next line, signifies union with another woman of the same tribe as one's wife during her life. "Rembau," p. 79 states that the offence is "classed together with the possession of a pëlësit as pantang":—the authors may have been thinking of some other saying, as our lines, which give the only version known in Jelebu and Johol, cannot be so construed.

² i.e. 'bastards.'

- 45 ~~44~~ Jalan rayat titian batang,
 Waris yang ĕmpunya.
 Jalan paya titian pĕrmatang,
 Lĕmbaga yang ĕmpunya.
- 46 ~~45~~ Ėmbun sa-titek di-laukan,
 Tanah sa-buku di-gunongkan;
 Yang dalam adat dan aturan.
- 47 ~~46~~ Padi ta' ĕrpagar lalang,
 Kĕrbau ta' ĕrkandang sĕladang.
- 48 ~~47~~ Pĕsaka
 Yang ĕrsĕsapan,¹ yang ĕrjĕrami,
 Bĕrtunggul, ĕrpĕmarasan.
- 49 ~~48~~ Sah batal ka-pada sa-kadim;
 Kata ĕrchuri ka-pada waris-nya;
 Tinggal waris mĕpongkat;
 Tinggal sa-kadim mĕlintang;
 Tinggal harta ĕrtuan ta' jadi;
 Tinggal tua batal.²
- 50 ~~49~~ Tĕrbit pĕsaka ka-pada saka;
 Si-laki-laki mĕnyandang pĕsaka;
 Si-pĕrĕmpuan yang punya pĕsaka.
 Orang sĕmanda yang mĕmbĕla.
- 51 ~~50~~ Patah tumbuh; hilang ĕrganti.⁴
- 52 ~~51~~ Ganti hidup ĕrkĕredlaan,
 Ganti mati ĕrkĕbulatan.³
 Kĕbulatan anak buah mĕmbuat atau mĕmĕchat buapa;
 Buapa bulat, waris-nya rapat, mĕmbuat atau mĕmĕchat
 tua;

¹ *Sĕsapan* "abandoned land"—Adatrechtbundel VI, p. 406.
 A Minangkabau saying runs:—
Sa-saso, sa-jĕrami,
Sa-ladang, sa-sawah,
Sa-hutan tinggi, sa-hutan rĕndah,
Sa-pandan, sa-pĕrkuburan

—Willinck, p. 381. Jelebu Malays explain the above saying as referring especially to graveyards; perhaps a reminiscence of this Minangkabau saw, which is no longer known in Jelebu. "Rembau" (p. 110 XXX) renders it "The waters of the pool and cataract are one"—a sentence unintelligible in the context and involving *ĕr*....i. a formative equally unintelligible here. For *sa-pandan* a N. S. variant is *ĕrpĕndam*.

² "Rembau" (p. 112, XXXIX) states that this saying is quoted "generally" in reference to the ceremony of adoption. In Jelebu and Johol, it is quoted very frequently in reference to alienation of *tanah pĕsaka* to one outside the tribe; but

JELEBU CUSTOMARY SONGS AND SAYINGS.

Kēbulatan tua, boleh mēmbuat atau mēmēchat undang; 5
Undang bulat, lēmbaga rapat, waris sēdia, mēmbuat 6
atau mēmēchat raja.¹

53 Di-anjak layu, di-chabut mati,²
Kata adat dēngan pēsaka. ✓

54 Adat tidak mēlintang
Hukum tidak mēngambek,³ ✓
Boleh sēmanda-mēnyēmanda. 3
Bila bērsēmanda di-mana-mana suku, 4
Sah kata adat, 5
Ayer di-sauk, ranting di-patah. 6 ✓

55 Orang sēmanda bērtēmpat sēmanda.¹
Jika chērdek, tēman bērunding;⁴ ✓
Jika bodoh, di-suroh di-arrah. 3
'Tinggi banir,⁵ tēmpat bērlindung, 4
Rimbun dahan, tēmpat bērnaung. 5
Orang sēmanda pērgi karna suroh, 6
Bērhēnti karna tēgah. 7 ✓

56 Jikalau kita mēnērima orang sēmanda; 1
Jikalau kuat di-bubohkan di-pangkal kayu; 2
Jikalau bingung di-suroh arah, 3
Mēnyēput nan jauh, mēngamponkan nan dēkat; 4
Jikalau ia chērdek, hēndakkan rundingan; 5
Jikalau maalim, hēndakkan doa-nya; 6
Jikalau kaya, hēndakkan ēmas; 7
Jikalau patah, pēnghalau nyam; 8
Jikalau buta, pēnghēmbus lēsang; 9
Jikalau pēkak, pēmbakar bēdil. 10 ✓

57 Masok ka-kandang kērbau mēnguak; 1
Masok ka-kandang kambing mēmbebek, 2
Bagai-mana adat tēmpat sēmanda di-pakai; 3
Bila bumi di-pijak, langit di-junjong, 4
Bagai-mana adat nēgēri itu di-pakai. 5
Orang sēmanda dēngan orang tēmpat sēmanda, 6
Bagai mēntimun dēngan durian; 7
Mēnggolek pun luka, kēna golek pun luka. 8 ✓

¹ This last line contains a special reference to local Jelebu history. Jelebu, like Rembau, has the saying *Raja tiada mēmpunya nēgēri dan tiada boleh mēnichukai khērajat, mēlainkan bērkēadilan sahaja sērla pērmakanan-nya*. "Rembau," p. 110 translates *khērajat* "war-levy," but why? In Arabic it means, "land-tax," and that fits the context exactly. In N. S. the phrase *khērajat mati* is always used of "funeral expenses." *Bērkēadilan* = "possessed of the powers of a justiciar."

² "Transplanted it (the custom) withers, uprooted it dies" (Rembau, p. 100, VIII.) The saying is also used of the dismissal of a chief from office, and of removing an offender from the path of evil or eradicating him from the tribe.

58 Kusut mēnyělēsaikan,
Chichir mēmungut, hilang mēnchari,
Utang mēmbayar, piutang mēnērimakan?
Oleh tēmpat sēmanda.

59 Pērtama orang sēmanda sahaja,
Kēdua orang sēmanda bapa budak,
Kētiga orang sēmanda langau ijan,
Kēempat orang sēmanda kumbang jantan,
Kēlima orang sēmanda alas tēmpat sēmanda.

60 Chari bahagi,
Dapatan tinggal,
Pēmbawa kēmbali,
Kutu di-bēlah,
Suarang² di-ageh,
Rugi laba pulang ka-tēmpat sēmanda,
Nyawa darah pulang ka-pada waris.

61 Bila mēngadakan anak,
Kalau laki-laki, di-sērah mēngaji;
Kalau pērēmpuan, di-sērah mēnjahit.
Masa itu tērhutang-lah orang sēmanda,
Pētang mēngandangkan,
Pagi mēlēpaskan;
Di-jaga ayam,
Jangan di-makan musang,
Kērbau jangan mērompak.
Bila baligh anak itu,
Yang pērēmpuan masa-masa-nya di-nanti-nantikan,
Masa-masa-nya di-adang-adangkan untong-nya,
Yang laki-laki masa-masa-nya di-chari-charikan,
Masa-masa-nya di-adang-adangkan untong-nya;
Ia-itu
Gamit yang bērkēchapi
Risek yang bērdasus³
(Sa-unipama barang kali ada yang bērhajat yang mēm-
bēli-nya.)

¹ Some interpreters distinguish this line from the fifth as our translation does: others explain that *chari* refers to land and *suarang* to other property. I think there is little doubt that the first line is a N. S. paraphrase for the Minangkabau terms of the fifth line, and that the two lines are identical and refer to joint earnings of husband and wife. Line 5 always takes the place of line 1 in real Minangkabau *pēpatah* and line 1 does not occur. ² Cf. note 1, p. 30. "Rembau" reads *bēr-suarangan*, obviously corrupt, because *bēr*.....*an* is a plural formative and *sa*—a singular and their conjunction unthinkable: *pērsuarangan* is a Minangkabau form common in N. S. Jelebu pundits take *kutu* to mean 'lice' and the phrase *kutu di-bēlah* to imply that even the parasites on the persons of those seeking a divorce must be split in half, presumably a last occasion

JELEBU CUSTOMARY SONGS AND SAYINGS.

6259 Bila dapat di-orang sēmanda
 Di-bawa ka-tēmpat sēmanda;
 Bila dapat di-tēmpat sēmanda
 Di-bawa ka-orang sēmanda.

6360 Bila sah sa-kata,
 Tanda di-tērima,
 Di-kēmbangkan dari sa-orang ka-sa-orang?
 Ia-itu sa-bēntok chinchin bērtanya.
 Kalau sah sa-kata
 Kata di-kēmbalikan;
 Kalau ta' sah sa-kata,
 Tanda di-kēmbalikan
 di-dalam tujuh hari: sa-lambat-lambat-nya dua kali tujuh
 hari.

Chinchin mēnantikan adat
 karna

Orang bērbini bērhēlanja,
 Orang bērchērai bērkēsudahan,
 Orang bēranak bērupah bidan,
 Orang nikah dēngan mahar-nya
 Adat di-isi, janji di-laboh.
 Sah kata adat mansiang.
 Chachat chēdēra di-kēmbalikan.
 Sawan gila luar janji.
 Elah si laki-laki lunchur,
 Elah si-pērēmpuan ganda.

SAMBAAN CHAKAP
DAN
PĒPATAH ADAT MĒLAYU

OLEH
MOHAMED DIN BIN ALI
(Barrister-at-Law, Lincoln's Inn)

PĒNGGAL KETIGA

Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan

[Copyright Reserved]

III

PĒRBILANGAN ADAT

Kita anak Minangkabau,
Di-bawah langit, di-muka bumi,
Sa-lingkar Gunong Mērapi,
Sa-lingga Pintu Raya hilir,
Hingga Si-Lĕnguđi mudik,
Yang bernama tanah Sumatĕra,
Pulau Andĕlas.
Sabingkah tanah tĕrbalek,
Sahĕlai akar nang putus,
Sabatang kayu rĕbah,
Adat dĕngan pĕsaka bĕlum di-adakan.

Tĕtĕkala,
Kampong sudah bĕrsudut,
Sawah sudah bĕrjĕnjang,
Puchok sudah mĕliok,
Pinang sudah bĕrjejer,
Adat dĕngan pĕsaka di-adakan, ia-itu:
Alam bĕraja,
Luak bĕrpĕnghulu,
Suku bĕrtua,
Anak buah bĕribu-buapak.
Orang sĕmĕnda bĕrtĕmpat sĕmĕnda.
Kunchi bini laki,
Kunchi orang sĕmĕnda tĕmpat sĕmĕnda,
Kunchi anak buah ibu buapak,
Kunchi luak pĕnghulu,
Kunchi alam raja.
Adat nang bĕrjĕnjang naik,
Bĕrtangga turun;
Bĕrlukis, bĕrlĕmbaga,

Bérturas bertauladan,
Pulai nang berpangkat naik,
Manusia berpangkat turun.

Kambing biasa mēmbebek,
Kerbau biasa mēnguak,
Ayam biasa bērkokok,
Murai biasa bērkichau,
Pēnghulu biasa mēnghukumkan adat,
Alim biasa mēnghukumkan shara',
Hulubalang biasa mēnjarah,
Juara biasa mēlēpas,
Saudagar biasa lērm^umain bungkal tēraju,
Pērēmpuan biasa bērusahakan bēnang dan kapas.

Raja sakōadilan,
Pēnghulu saundang.
Tua salēmbaga,
Waris sapēsaka,
Ibu-buapak saadat,
Tēmpat sēmēnda satu shahadat,
Orang sēmēnda sarēsam.
Raja bērdaulat,
Pēnghulu bērandika:
Raja bērtitah,
Pēnghulu bērsabā:
Raja bērkhalifah,
Pēnghulu bērsuku,
Undang bērkēlantasan,
Lēmbaga bērsēkat;
Raja bērsējarah,
Pēnghulu bērsalasilah.
Lēmbaga bērtērombo.
Raja bērdaulat dalam alam-nya,
Pēnghulu bērnobat dalam suku-nya.

Buapak bėrnobat dalam anak buah-nya,
Orang banyak bernobat dalam tėratak-nya.
Salah hamba kapada tuun,
Salah murid kapada guru.
Salah anak kapada bapa.
Salah bini kapada laki.
Titah di-junjong sapėnoh-pėnoh kėpala,
Sabda di-pikul sauntok-untok bahu.

Kėlėbehan umat dėngan muafakat,
Kėlėbehan nabi dėngan makjizat;
Bulat ayer kėrana pėmėtong,
Bulat manusia kėrana muafakat.
Tėtėkala kėchil bėrnama muafakat,
Tėtėkala bėsar bėrnama adat,
Si-raja adat kapada muafakat.
Ayer mėlurut dėngan bėndar-nya,
Bėnar mėlurut dėngan pakat-nya.
Nėgėri tumbuh dėngan adat-nya.
Muafakat lalu di-dalam gėlap,
Adat lalu di-tėngah tėrang.
Hilang adat kėrana muafakat.

Hidup di-kandong adat,
Mati di-kandong bumi.
Bujur lalu, mėlintang patah.
Makauan adat dengen pėsaka.

Kata orang kata bėrchalun. (kata bėrbalok)
Kata pėgawai kata bėrhubong.
Kata hulubalang kata tunggal.
Kata undang kata pėrhiasan.
Kata raja kata bėrliput.
Kata maalim kata hakikat.
Kata adat kata nang bėnar.

Ka-laut mēnuju alur,
Ka-darat mēnuju bēnar;
Bērtahun mēnuju musim.
Ka-luat ta' mēnuju alur, tumpang karam,
Ka-darat ta' mēnuju bēnar, sjar bakar,
Bērtahun ta' mēnuju musim, sambang hangus.

Bērdiri mēninjau jarak,
Duok mēraut ranjau,
Mēnyērudup gelas lalu,
Mēnyēlam minum ayer,
Lain bidok lain galang,
Kaki tērdorong, badan binasa,
Chēpat tangan, dapat hutang.
Mulut tērkata-kata, emas akan padah-nya,
Tērpijak bēnang arang, hitam tapak kaki.

Kēputusan adat tiga pērkara:-
Pērtama adat mēnsiang ia-itu tēnjali,
Kēdua adat tiang ia-itu ada bērkēbulatan,
Kētiga adat kitabu'llah ia-itu hukum Keran.
Pada adat mēnghilangkan nang burok,
Mēnimbulkan nang baik;
Pada shara' mēnyuruh bērbuat baik.
Mēninggalkan bērbuat jahat.
Adat bērsēndi hukum,
Hukum bērsēndi kitabu'llah.
Kuat adat, ta' gadoh hukum,
Kuat hukum ta' gadoh adat.
Ibu hukum muafakat,
Ibu adat muafakat.
Adat bērtanda, hukum bērsaksi,
Adat yang tiba ka-gēlap mēnjala,
Tiba ka-tērang mēnumpu;
Tinggi di-sigai.

Kéras di-takek,
Lémbut di-sudu.

Sah, kata adat,
Apa-bila tértanda, tērbakti,
Tērkējar, tērlēlah,
Tērpakok, tērpayk,
Dēkat, tērtunjokān;
Jauh, tērkatakān.

Undang-undang churi,
Pantang dua-bēlas:-
Tiang tērpalang, dinding tērētas,
Tērkējar tērlēlah,
Tērcēbut tērampas,
Tērchinchang tērpakok,
Di-gēdabang di-gēdabelān,
Di-sērang di-kēlēkai,
Nama kichang kichoh,
Pēranggur kalak-kalak,
Tiga kali ēmpat sa-puloh dua.
Enggaug lalu, ranting patah,
Mara hinggap, mara tērbang,
Lalu hangus, surat layu,
Tērgesel kēna miang,
Tērgēgar kēna rēbas.

Bērturih ba' si-pasīn,
Bērlondar ba' lēngkitang,
Bērbau ba' lēmbachang,
Ka-hulu ta' tēntu gaung-nya,
Ka-hilir ta' tēntu kualā-nya,
Mana anjing mēnyalak,
Di-situ biawak, mēmanjat;
Mana tēmiang tērēntak,

Di-situ tanaman mēnjadi;
| Mana kayu tumbang,
| Di-situ chēndawan tumbuh,
| Kilat bēliong kapada kaki,
| Kilat pisau kapada tangan.
Chupak yang pēpat,
Gantang yang piawai,
Bungkal yang bētul,
Tēraju yang baik,
Tiada boleh di-aleh lagi.

Tiba di-mata, jangan di-lēlapkan;
Tiba di-pērut, jangan di-kēmpiskan.
| Ular di-palu biar mati.
| Kayu pēmahu jangan patah.
| Tanah di-palu jangan lēmbang,
| Lēmah liat kayu akar,
| Di-lēnter mau, di-patah jangan.
| Mēnumbok di-lēsong.
| Bērtanak di-pēriok,

Kapada Raja:

Hari malam, bulan bērsirau.
Kērbau bērlaga dalam kandang.

Kapada Undang:

Ayam hitam tērbang malam,
Hinggap di-kayu rimbun.

Kapada Lēmbaga:

Ayam putih tērbang siang.
Hinggap di-kayu mēranting.

Tali pēngikat daripada lēmbaga,
Kēris pēnyalang daripada undang.
Pēdang pēmanchong daripada kēadilan.

Tikam ta' bértanya,
Panchong ta' bérkhabar.
Hukuman Raja;
Ēnam-puloh ēnam kupang,
Tujoh tahl, sapaha,
Sakēndi sakēndēri,
Saisi lēsang pēsok,
Saruas buloh talang,
Sakuchong lēngan baju.

Dahaga dahagi,
Sumbang salah,
Rēbut rampas,
Siar bakar,
Maling churi.
Kichang kichoh,
Upas rachun,
Tikam bunoh,
Samun sakal,
Fantang kapada adat.
Upas rachun, sisa makan,
Chinchang pampas; bunoh bēri balas,
Anak di-panggil makan,
Anak buah di-sorong ka-balas.
Pēlēsit dua sa-kampong,
Enau sa-batang dua sigai-nya,
Mata tumbuh tiada bērbēneh,
Sumbang kapada tabiat.
Adat mēnuju kapada tanda,
Bilah "sah" kata adat tiang,
Janggal ta' boleh di-patoh lagi,
Salah ta' boleh di-hukum:
Ia-itu satu di-bēri dua di-tarek, (ambil)
Tērkurong mati,
Tērtanda bērhutang.

| Képantangan adai.
| Di-lindong di-ëndapkan.
| Kēpējatian adat,
| Di-tērang di-bandingkan.
Jalan raya,
Titian batu,
Bukit bukau,
Rimba nang sunyi,
Gaung nang dalam,
Lēpan nang lebar. .
Bandar nang sundai,
Si-barau-barau nang punya.
Lubok dalam,
Si-kitang-kitang nang punya.
Gaung guntong,
Bukit bukau,
Waris dan pēnghulu nang punya.
Sawah nang bērjēnjang,
Pinang nang gayu,
Nyiur nang saka,
Lēmbaga nang punya.
Anak buah nang bērchalun,
Ibu-buapak nang punya.
Orang sēmēnda nang gadoh bērsuarang,
Anak buah nang punya.
Lingkongan bēndul nang ēmpat.
Orang sēmēnda nang punya.
Jalan raya titian batu,
Raja nang punya.
Jalan raya titian batang
Waris nang punya.
Jalan raya titian pērmatang.
Lēmbaga nang punya.
Embun sa-titek di-lautkan,
Tanah sa-buku di-gunongkan;

Nang dalam adat dan aturan.
Padi ta' bērpagar lalang,
Kērbau ta' bērkandang sēladang.

Pēsaka nang bērsēsapan, nang bērjērami,
Nang bērtunggul, bērpēmārasan.
Sah batal kapada sakadim,
Kata bērchari kapada waris;
Tinggal waris mēnungkat,
Tinggal sakadim mēnggalang,
Tinggal harta bērtuan ta'jadi,

Tinggal tua mēmbatal.
Tērbit pēsaka daripada soka,
Si-laki-laki mēnyandang pēsaka,
Si-pērēmpuan nang punya pēsaka,
Orang sēmēnda nang mēmbēla.
Patah tumbuh hilang bērganti.
Ganti hidup bērkērelaan.
Ganti mati bērkēbulatan.

Kēbulatan anak buah mēmbuat atau mēmēchat buapak;
Buapak bulat, waris-nya rapat, mēmbuat atau mēmē-
chat tua,

Kēbulatan tua, mēmbuat atau mēmēchat undang,
Undang bulat, lēmbaga rapat, waris sēdia, mēmbuat
atau mēmēchat raja.

Di-anjak layu, di-chabut mati,
Kata adat dēngan pēsaka.

Adat tidak mēlintang.
Hukum tidak mēngambek, (hambat)
Boleh sēmēnda-mēnyēmēnda.
Bila bērsēmēnda di-mana-mana suku,
Sah kata adat,
Ayer di-sauk, ranting di-patah.

Orang sēmēnda bērtēmpat sēmēnda.
Jika chērdek, tēman bērunding,
Jika bodoh, di-suroh di-arāh.
Tinggi banir, tēmpat bērlindong,
Rimbun dahan, tēmpat bērnaung.
Orang sēmēnda pērgi kērana suroh,
Bērhēnti kērana tēgah.
Jikalau kita mēnērima orang sēmēnda,
Jikalau kuat di-bubohkan di-pangkal kayu,
Jikalau bingung di-suroh di-arāh,
Mēnjēmput nang jauh, mēngamponkan nang dēkat;
Jikalau ia chērdek, hēndakan rundingan-nya,
Jikalau maalim, hēndakan do'a-nya,
Jikalau kaya, hēndakan ēmas-nya,
Jikalau patah, pēnghalau ayam,
Jikalau buta, pēnghēmbus lēsong,
Jikalau pēkak, pēmbakar bēdil.

Masok ka-kandang kērbau mēnguak;
Masok ka-kandang kambing mēmbebek,
Bagai-mana adat tēmpat sēmēnda di-pakai;
Bila bumi di-pijak, mahu-lah langit di-junjong.
Bagai-mana adat nēgōri itu-lah di-pakai.
Orang sēmēnda dēngan orang tēmpat sēmēnda,
Bagai mēntimun dēngan durian;
Mēnggolek pun luka, kēna golek pun luka,
Kusut mēnyēlēsaikan,
Chichir mēnungut, hilang mēnchari,
Utang mēmbayar, piutang mēnērimakan
Oleh tēmpat sēmēnda.

Pērtama orang sēmēnda sahaja,
Kēdua orang sēmēnda bapa budak.
Kētiga orang sēmēnda langau hijau,
Kēempat orang sēmēnda kumbang jantan,
Kēlima orang sēmēnda alas tēmpat sēmēnda.

Chari bagi,
Dapatan tinggal,
Pembawa kembalikan,
Sekutu di-belah,
Suarang di-ageh,
Rugi laba pulang ka-tempat semenda,
Nyawa darah pulang kapada waris.
Bila mengadakan anak,
Kalau laki-laki, di-serahkan mengaji,
Kalau perempuan, di-serahkan menjahit.
Masa itu terhutang-lah orang semenda,
Petang mengandangkan,
Pagi melepaskan;
Di-jaga ayam,
Jangan di-makan musang,
Kerbau jangan merompak
Bila baligh anak itu,
Nang perempuan masa-masa-nya di-nanti-nantikan,
Masa-masa-nya di-adang-adangkan untong-nya,
Nang laki-laki masa-masa-nya di-chari-charikan,
Masa-masa-nya di-tanya-tanyakan untong-nya;
Ia-itu:
-Gamit nang berkéchapi
Risek nang berdésus
Barang kali ada nang berhajat membeli-nya.
Bila dapat di-orang semenda,
Di-bawa ka-tempat semenda,
Bila dapat di-tempat semenda
Di-bawa ka-orang semenda.
Bila sah sa-kata,
Tanda di-terima,
Di-kembangkan dari sa-orang ka-sa-orang
Ia-itu sa-bentuk chinchin bertanya.
Kalau oso (sah) sa-kata
Kata di-kembalikan;

Kalau ta' oso (sah) sa-kata,
Tanda di-kembalikan,
.. Dalam tujuh hari: sa-lambat-lambat-nya dua kali
tujuh hari.
Chinchin mēnantikan adat.

Kērana:

Orang bērbini nak bērbēlanja ,
Orang bērchērai nak bērkēsudahan,
Orang bēranak nak bērupah bidan,
Orang nikah dēngan mahar-nya,
Adat di-isi, janji di-laboh.
Sah kata adat mēnsiang.
Chachat chēdēra bērkēmbalian,
Sawan gila luar janji.
Elah si-laki-laki lonchor tanda,
Elah si-pērēmpuan ganda tanda.

TEROMBA PERBILANGAN ADAT

Kita anak Minangkabau,
Yang dibawah langit dan di muka bumi,
Selingkar gunung Berapi,
Sehingga Pintu Raya hilir,
Hingga Si Legundi mudik,
Yang bernama tanah Sumatera,
Pulau Andelas.

Sebingkah tanah terbalik,
Sehelai akar yang putus,
Sebatang kayu rebah,
Adat pesaka belum diadakan.

Tatkala
Kampung sudah bersudut,
Sawah sudah berjinjang,
Pucuk sudah meliok,
Pinang sudah berjijir,
Adat dengan pesaka diadakan, iaitu

Alam beraja,
Luak berpenghulu,
Suku bertua,
Anak buah beribu-bapa
Orang semenda bertempat semenda.

Kunci bini laki,
Kunci semenda tempat semenda,
Kunci anak buah ibu bapa,
Kunci luak penghulu,
Kunci alam raja.

Adat yang berjinjang-jinjang naik bertangga turun,
Berlukis, berlembaga,
Bertiru, berteladan,

Pulai nan berpangkat naik,
Manusia berpangkat turun.

Kambing biasa membebek,
Kerbau biasa menguak,
Ayam biasa berkokok,
Murai biasa berkicau,
Penghulu biasa menghukumkan adat,
Alim biasa menghukumkan shara,
Hulubalang biasa menjarah,
Juara biasa melepas,
Saudagar biasa bermain bungkal teraju,
Perempuan biasa berusaha benang dan kapas.

Raja sekeadilan,
Penghulu seundang,
Tua selembaga,
Waris sepesaka,
Ibu-bapa seadat,
Tempat semenda satu shahadat,
Orang semanda seresam.

Raja berdaulat dalam alamnya,
Penghulu bernobat dalam sukunya,
Buapak bernobat dalam anak buahnya,
Orang banyak bernobat dalam terataknya.

Salah hamba kepada tuan,
Salah murid kepada guru,
Salah anak kepada bapa,
Salah bini kepada laki.

Titah dijunjung sepenuh-penuh kepala,
Sabda dipikul seuntuk-untuk bahu,

Kelebihan umat dengan muafakat,
Kelebihan nabi dengan mukjizat,
Bulat air kerana pembentung,
Bulat manusia kerana muafakat.

Tatkala kecil bernama muafakat,
Tatkala besar bernama adat:
Siraja adat kepada muafakat.
Air melurut dengan pakatnya,
Negeri bertumbuh dengan adatnya.

Muafakat lalu di dalam gelap,
Adat lalu ditengah terang,
Hilang adat kerana muafakat.

Hidup dikandung adat,
Mati dikandung bumi.

Bujur lalu melintang patah:
Makanan adat dengan pesaka.

Kata orang kata bercalun, kata berbalok.
Kata pegawai kata berubong.
Kata hulubalang kata tunggal.
Kata undang kata perhiasan.
Kata raja kata berliput.
Kata mualim kata hakikat.
Kata dat kata yang benar.
Ke laut menuju alur,
Ke darat menuju benar,
Bertahun menuju musim,
Kalau tak menuju alur, tumpat karam,
Ke darat tak menuju benar, siar bakar,
Bertahun tak menuju musim, sambang hangus.

Berdiri meninjau jarak,
Duduk meraut ranjau,
Menyerodok gelas lalu,
Menyelam minum air,
Lain biduk lain galang.

Kaki terdorong, badan binasa,
Cepat tangan, dapat hutang,
Mulut berkata-kata, emas pada,
Terpijak benang arang, hitam tapak.

Keputusan adat tiga perkara:

Pertama adat mansiang iaitu terjali,

Kedua adat tiang iaitu adat berkebulatan,

Ketiga adat kitabullah iaitu hukum Kuran.

Pada adat menghilangkan yang burok,
Menimbulkan yang baik,
Pada shara menyuroh berbuat baik.
Meninggalkan berbuat jahat.

Adat bersendi hukum,
Hukum bersendi kitabu'llah
Kuat adat tak gaduh hukum,
Kuat hukum, tak gaduh adat.
Ibu hukum muafakat,
Ibu adat muafakat.

Adat bertanda, hukum bersaksi,
Adat yang tiba ke gelap menjala,
Tiba ke terang menumpu,
Tinggi di sigai,
Keras ditakik,
Lembut disudu.

Sah, kata adat,
Apabila bertanda, tebeti,
Terkejar, terlelah,
Terpakuk, terpauk,
Dekat, tertunjukkan,
Jauh, terkatakan.

Undang-undang curi,
Pantang dua belas,
Tiang terpalang-palang dinding tertetas,
Terkejar terlelah,
Terebut, terampas,
Tercincang terpakok,
Digidabang, digedabikkan,
Diserang dikelekai,

Nama kincang kicoh,
Beranggur, kalak-kalak,
Tiga kali empat sepuluh dua.

Enggang lalu ranting patah,
Mara hinggap, mara terbang,
Lalu hangus, surut layu,
Tergesek kena miang,
Tergegar kena embun.

Bersuriah ba' sipasin,
Berlondar ba' langitang,
Berbau ba' macang.
Ke hulu tak tentu gaungnya,
Ke hilir tak tentu kuala.

Mana anjing menyalak, di situ biawak memanjat,
Mana temiang terentak, di situ tanam-tanaman jadi,
Mana kayu tumbang, di situ cendawan tumbuh,
Kilat beliong kepada kaki,
Kilat pisau kepada tangan.

Cupak yang pepat,
Gantang yang piawai,
Bongkal yang betul,
Teraju yang baik-baik,
Tiada boleh dialeh lagi.

Tiba dimata jangan dilelapkan,
Tiba di perut, jangan dikempiskan,
Ular dipalu biar mati,
Kayu pemalu jangan patah,
Tanah dipalu jangan lembang,
Lemah liat kayu akar,
dilentok mau, dipatah jangan.

Menumbok di lesong,
bertanak di periok.

Kepada raja
 Hari malam, bulan (?) bersirau,
 Kerbau berlaga dalam kandang

Kepada undang
 Ayam hitam terbang malam,
 Hinggap kayu berdaun.

Kepada lembaga
 Ayam puteh terbang siang,
 Hinggap kayu meranting.

Tali pengikat daripada lembaga,
Keris penyalang daripada undang,
Pedang memancong daripada keadilan,
Tikan tak bertanya,
Pancong tak berkhabar.

Hukuman raja,
Enam puloh enam kupang,
Tujoh tahl, sepaha,
Se kendi, se kenderi,
Se isi lesong pesok,
Se ruas buloh telang,
Se kocong lengan baju.

Dahaga dahagi,
Sumbang, salah
Rebut, rampas,
Siar, bakar,
Maling, curi,
Kicang, kicoh,
Upas racun,
Tikam, bunoh,
Samun, sakal,
Pantang kepada adat,
Upas racun, sisa makan.

Cincang pampas, bunoh beri balas,
Anak dipanggil makan,
Anak buah disorongkan balas.

Pelesit dua sekampong,
Enau sebatang dua sigai,
mata tumbuh tiada berbenih,
Sumbang kepada tabiat,
Adat menuju kepada tanda.
Bila "Sah" kata adat tiang,
Janggal tak boleh patuh lagi,
Salah tak boleh dihukum:
Iaitu suatu diberi, dua diambil.

Terkurung mati,
Tertanda berhutang.

Kepantangan adat,
Dilindung diendapkan,
Kepejatian adat,
Diterang dibandingkan.

Jalan raya, titian batu,
Bukit bukau,
Rimba yang sunyi,
Gaung yang dalam,
lepan yang lebar,
Bandar yang sundai,
sibarau-barau yang punya.
Lubuk dalam sikitang-kitang yang punya.
Gaung guntong,
Bukit bukau
Waris dan penghulu yang punya.
Sawah yang berjinjang,
Pinang yang gayu,

Nyiur yang saka,
Lembaga yang punya.
Lingkungan bendul yang empat,
Orang semenda yang punya.
Jalan raya titian batu,
Raja yang empunya.

Jalan raya titian batang
Waris yang empunya.
Jalan raya titian permatang,
Lembaga yang empunya.

Embun setitik dilautkan,
Tanah sebuku digunungkan,
Yang dalam adat dan aturan.

Padi tak berpagar lalang,
Kerbau tak berkandang seladang.

Pesaka
Yang bersesapan, yang berjerami,
Bertunggul, berpemaranan.

Sah batal kepada sekadim,
Kata berehari kepada warisnya,
Tinggal waris menongkat,
Tinggal sekadim melintang,
Tinggal harta bertuan tak jadi,
Tinggal tua batal.

Terbit pesaka kepada saka,
Si laki-laki menyandang pesaka,
Si perempuan yang punya pesaka,
Orang semenda yang membela.

Patah tumbuh; hilang berganti.

Ganti hidup berkeredaaan,
Ganti mati berkebulatan.
Kebulatan anak buah membuat atau memecau buapak,
Buapak bulat, warisnya rapat, membuat atau memecat tua,

Kebulatan tua, boleh membuat atau memecat undang,
Undang bulat, lembaga rapat, waris sedia, membuat
atau memecat raja.
Dianjak layu, dicabut mati.
Kata adat dengan pesaka.

Adat tidak melintang
Hukum tidak mengambik,
Boleh semenda-menyemenda.
Bila bersemenda di mana-mana suku,
Sah kata adat,
Air disauk, ranting dipatah.

Orang semenda bertempat semenda.
Jika cerdik, tempat berunding,
Jika bodoh disuruh diarah.
Tinggi banir, tempat berlindung,
Rimbun dahan, tempat bernaung.
Orang semanda pergi kena suruh,
Berhenti kerana ditegah.

Jikalau kita menerima orang semenda,
Jikalau kuat dibubuhkan dipangkal kayu,
Jikalau bingung disuruh arah,
Menyeput nan jauh, mengamponkan nan dekat
Jikalau ia cerdik, hendaklah dirundingkan,
Jikalau maalim hendakkan doanya,
Jikalau kaya hendakkan emas,
Jikalau patah, penghalau ayam,
Jikalau buta, penghembus lesong,
Jikalau pekak pembakar bedil.

Masuk kekandang kerbau menguak,
Masuk kekandang kambing membebek,
Bagaimana adat tempat semenda dipakai,
Bila bumi dipijak, langit dijunjung,
Bagaimana adat negeri itu dipakai.
Orang semanda dengan tempat semenda,
Bagai mentimum dengan durian,
Menggolek pun luka kena golek pun luka.

Kusut menyelesaikan,
Cicir memungut, hilang mencari,
Hutang membayar, piutang menerimakan
Oleh tempat semenda.

Pertama orang semenda sahaja,
Kedua orang semenda bapa budak,
Ketiga orang semenda langau ijau,
Keempat orang semenda kumbang jantan,
Kelima orang semenda alas tempat semenda.

Cari bahagi,
Dapatan tinggal,
Pembawa kembali,
Kutu dibelah,
Suarang diageh,
Rugi laba pulang ke tempat semenda,
Nyawa darah pulang kepada waris.

Bila mengadakan anak,
Kalau lelaki, diserahkan mengaji.
Kalau perempuan, diserahkan menjahit,
Masa itu terhutang orang semenda,
Petang mengandangkan,
Pagi melepaskan,
Dijaga ayam,
Jangan dimakan musang,

Kerbau jangan merompak,
Bila baligh anak itu,
Yang perempuan masa-masanya dinanti-nantikan,
Yang laki-laki masa-masanya dicari-carikan,
Masa-masanya diadang-adangkan untungnya;
Iaitu
Gamit yang berkecapi
Risik yang berdesus
(Seumpama barang kali ada yang berhajat yang membelinya)

Bila dapat di orang semenda
Dibawa ke tempat semenda,
Bila dapat di tempat semenda
Dibawa ke orang semenda.

Bila sah sekata,
Tanda diterima,
Dikembangkan dari seorang ke seorang
Iaitu berbentuk cincin bertanya,
Kalau sah sekata
Kalau dikembalikan,
Kalau tak sah sekata,
Tanda dikembalikan
Di dalam tujuh hari: selambat-lambat dua kali tujuh hari.
Cincin menantikan adat.

Kerana

Orang berbini berbelanja,
Orang bercerai berkesudahan,
Orang beranak berupah bidan,
Orang nikah dengan maharnya,
Adat diisi, janji dilaboh,
Sah kata adat mensiang.
Cacat cedera dikembalikan.
Sawan gila luar janji.
Elah si laki-laki lunchur,
Elah si perempuan ganda.

Lampiran 4

Sehalaman sepermainan
seperigi sepermainan
segayung sepergiliran
sejamban seperulangan

Mengalir ke Inderagiri
singgah bermalam di Padang Panjang
di mana adat mula terdiri?
di Periang, Padang Panjang

Siapa cerdik bijaksana
pertama Dato' Perpatih
kedua Dato' Temenggung
yang mengetahui jalan dua terepar

Nenek Perpatih nan sebatang
pandai melukis cupak dan gantang
ulaslah tenun yang terentang
penolak buatan dagang

Ke laut Datuk Temenggung
tempat perahu nan hilir mudik
dayung nan bertimba
galah nan sambar menyambar

Siapa menjala siapa terjun
siapa berhutang dia membayar
siapa menggigit dia kena gigit
siapa membunuh dia kena bunuh

Ke darat Datuk Perpatih
tempat siamang bertepuk
tempat ungka berbunyi pagi
tempat sedengkang berbunyi malam
padang ke hilir batangnya tak terlintang

Hutang berturut cagar bergadai
salah bertimbang
cincang pampas
bunuh beri balas
anak diberi makan
anak buah disorong balas

Raja beralam
penghulu berluak
lembaga berlingkungan
buapak beranak buah
anak buah duduk bersuku-suku
berapa sukunya?
dua belas

Pusaka lembaga bersekat
lembaga berlingkungan
tali pengikat pada lembaga
kata pemutus pada lembaga
sah batal pada lembaga

Hidup sandar menyandar
laksana aur dengan tebing
bak telur sesangkar
pecah sebiji pecah semuanya
ke bukit sama didaki
ke lurah sama dituruni
berat sama dipukul
ringan sama menjinjing
duduk sama rendah
berdiri sama tinggi
hati kuman sama dicicah
hati kuman sama dilapah
terjun sama basah
melompat-lompat sama patah
cicir sama rugi
dapat sama laba
hidup laksana sirih serumpun
sebagai nyiur setali
seikat bak lembing
sebungkus bak nasi
sekucung bak kuah
berlopak bak sawah

Sejak berduku berkelapa
pandang tidak panjang lagi
sejak bersuku berkepala
badan tidak senang lagi

Alam beraja
luak berpenghulu
suku berketua
anak buah berbuapak
orang semenda tempat semenda
dagang berpantun
perahu bertambatan

Orang semenda kepada tempat semenda
anak buah kepada ibubapa
ibubapa kepada lembaga
lembaga kepada undang
undang kepada keadilan

Aturan buapak dalam anak buahnya
sesekor kambing adatnya
tilam bujur bantal bersusun
tabir berpasang
langit-langit terbentang
rebana dipukul
inai ditarikan
buapak seadat dengan besar
kata adat banyak kiasan
ditunjuk dia tetapi bukan
bergulung pendek panjang direntang
tak faham kalau tak direnungkan

Berat sama dipikul
ringan sama dijinjing
bukit sama didaki
lurah sama dituruni
laba sama dikutip
rugi sama ditatang
hati kuman sama dicicah
hati gajah sama dilapah
berat sama dipikul
ringan dijinjing
cicir sama rugi
dapat sama laba
pangkal sama dipupuk
pucuk sama digentas
bunga sama dipetik

Raja menobat di dalam alam
penghulu menobat di dalam luak
lembaga menobat di dalam lingkungannya
orang banyak menobat di terataknya

Mudik malam hilir malam
daun nipah dikatakan daun labu
adat dengan orang diturunkan dengan
sebentuk cincin
dan emas dua puluh
ibarat labu menjalar ke hulu
ibarat kundur menjalar ke hilir

Harimau mati meninggalkan belangnya
gajah mati meninggalkan tulangnya
manusia mati tinggal nama

Kayu mati berpunggor
manusia mati biar bernama

Jangan bawa rasmi jagung
makin berisi makin tegak

Bawa rasmi padi
makin berisi makin tunduk

Ikut suka luka
ikut hati mati
ikut rasa binasa

Adat ayam berkokok
adat kambing membebek
adat tajam melukai
adat air membasahi
adat api menghanguskan

Dicabut tidak mati
dipindahkan tidak layu

Sekali air bah
sekali pasir berubah
lain lubuk lain ikan
lain padang lain belalang
lain negeri lain adatnya

Jika dicabut mati
jika dianjak layu

Berjenjeng naik bertangga turun
naik dari jenjeng yang bawah
turun dari tangga yang di atas
berbilang dari esa
mengaji dari alif
kemenakkan beraja ke mamak
mamak beraja ke penghulu
penghulu beraja ke muafakat
muafakat beraja kebenaran
kebenaran berdiri sendiri
menurut alur dan patut

Raja memerintah alam
undang memerintah luak
lembaga memerintah suku
buapak memerintah anak buah

Salah cincang memberi pampas
salah bunuh memberi diat
salah makan meludahkan
salah tarik kembalikan
salah pada Allah taubat
gawal pada manusia minta maaf
bohong dibuang usul dipakai
bersetuju berbetulan
bersalahan berpatutan
ghaib berkalam Allah
berbantah ke tengah
suarang beragih
menarik mengembalikan
meminjam mengembalikan
meminjam memulangkan

hutang membayar
piutang terima
jauh yang berhambatan
hampir yang bertarikan

Mencampak tiba ke hulu
kenal pantau dejala
diletak di dalam cupak
dijerang dengan si pedas
luak yang berpenghulu
alam yang beraja
tegak yang tidak tersodak
melenggang yang tidak berpapas
melintang patah
membujur lalu
salah pada raja mati
salah pada penghulu berhutang

Luak berpenghulu
rantau beraja

Tikam bunuh
upas racun
samun saka
siar bakar
maling curi
dahaga dahagi
kicang kicuh
sumbang salah

Tertumbang terciak
tertanda terbukti
tercencang teragas
terikat terkebat
teratar terkejar
terhambat terpukul
bersurih bagai si pasin
berjejak bagai berkik
enggang lalu atah patah
kecenderungan mata orang banyak
menjual murah-murah
berjalan tergesa-gesa
dibawa pikat di bawa lalat

Orang semenda di tempat semenda
boleh dirusuh diarah
disuruh diberi belanja
dikurung diberi makan

Adalah saya bak kata orang
kok ibarat umur baru bertukar muda
pendapatan pun belum ada
pandangan pun belum banyak
pengalaman pun belum jauh
kok darah baru setampuk pinang

kok jalan kurang pasar
kalau begitu kedatangan saya ini
ibarat pergi ke huma
singkap daun ambil buah
ada pun kedatangan saya
ini sama-sama faham
orang ke awak, awak ke orang
semenda bersemenda
kok ibarat dasar pusaka
kok kurus dipupuk
kok segar disiram
kok putus kata di pangkal
putus dengan dibahagi
duduk dengan berperuntungan
mati hukum Allah
duduklah pula sepelantaran
pandang memandang satu nan lain
iaitu bersuku-suku
berapalah sukunya dua belas
dua belas Muar dua belas Jempol
enam Terachi enam Gunung Pasir
kok selaman sepermainan
kok sejamban seperulangan
tapi dek hukum tak mengambil
diharuskan pula semenda menyemenda

Kemudian saya ini ibarat kata adat
kok turun dari istana menjunjung tepak
kok turun dari balai menjunjung sabda
turun dari rumah nan berketak tangga
kampung nan bersudut
di suruh tempat semenda menjemput

Siang malam pagi petang
sambil duduk membaca surat
dari jauh saya datang
sampai ke mari ada hajat

Pokok mengkudu di atas bukit
batang kemari dipanjat kerakap
yang dituju di sini bukanlah sedikit
kepada siapa hendak menuju cakap

Sudahlah patah ranting yang tinggi
menimpa jatuhnya di tepi laman
kiranya dah lama terasa di hati
kenapa disimpan berlama-lamaan

Berdentum petir kilat berkilauan
terbuka payung ditiup ribut
taklah air tinggal bersendirian
kiranya gayung sudah bersambut

Bila saja turun ke huma
bawalah bersama benih peria
dari kata yang diterima
sudahlah tau apa maksudnya

Patah dua dayung dikolek
angin utara menunda mudik
taklah disangka untung menggolek
tangan kubuka mengangkat tabik

Penakik pisau seraut
ambil galah batang lintabung
seludang ambil ke nyiur
yang setitik jadikan laut
yang sekepal jadikan gunung
alam terkembang jadikan guru

Sudah dapat gading bertuah
tanduk yang buruk tidak berguna lagi
usah dikesalkan tuahnya orang
usah direndah hak orang

Usah dipuja kebesaran orang
usah gelap mata amanah orang
usah kuasa menyusahkan orang
usah berleka di masa yang terbang
usah berkata kok tak dipedulikan orang
jangan berbelanja tanpa pertimbangan
tak ada malu yang boleh disapu dengan tangan
tahi mata tak boleh dibuang dengan ibu jari kaki
tak ada noda yang boleh terbang dengan sesalan
tak ada penipuan yang boleh dilupakan orang
tak ada bulan yang lebih kuat dan lebih terang
di dunia lain seperti mana bulat dan terangnya
bulan yang ada di negeri sendiri.

Berbilang Adat Pinang Meminang.

Oleh: En. Yaakob bin Idrus

Bukan lobah sebarang lobah,
Lobah bersarang di ateh atap;
Bukan sombah sebarang sombah,
Sombah sayo nak bercakap.

Bukan lobah sebarang lobah
Lobah bersarang di rumpun buluh;
Bukan sombah sebarang sombah,
Sombah mengangek jari nang sepuluh.

Asal-asal usul-usul,
Asal ado jangan ditinggalkan.
Sakit bermulo mati bersobab,
Ujang berpohon kato ber _asai,
Mako duduk berbilang pulak:
Tau nang kocik dompek nang godang,
Tau nang godang tompek nang tuo,
Nang tuo dokek nenek moyang,
Itulah adat negori kito.
Sombahkan kepada datuk.

mako berkato pulak:
Sejoman bilah-bilah buluh ditanam,
Bosi nang berloceng,
Puntung nang beasap;
Sebingkah tanah terbalik
Solai akar nang putuih,
Sebatang kayu nang robah,
Bilang katonyo,
Datang dari Pagar Ruyung,
Naik ke Kualo Lukut;
Dori Kualo Lukut mengondo ke Johor Baru,
Dori Johor Baru masuk ke Luak Romé, رومي,
Mengilir pulak ke (Lut ok Chino (?).
Menopek ko suku nang tigo:

Pertamo Acih,

* Ujan berpokok kato berpangkal (?) - YI

Keduo Batu Ampar,
Ketigo Mungkar.
Sombah kepada datuk.

Mako ditengok pulak edaran sebolah derak,
Meranti be rsanggit dahan,
Sombah kepada datuk.

Maka ditengok pulak edaran sebolah baruh,
Lopannyo luas, airnyo jeroneh,
Orangnyo ramai;
Sombah kepada datuk.

Mako ditengok pulak:
Pematangnyo luruih,
Sawahnyo berlopak-lopak,
Pinang berjejer,
Nior'eh berliok-liok,
Rumah'e berkotak bertanggo,
Kampung nang bersudut,
Bilik nang berisi.
O, ado anak buah sedaro datuk nang daro,
Maaf sayo bercakap;
Sombah pado datuk.

Mako sayo tengok pulak:
Gaduh di ulu samo diulukan,
Gaduh di ilir samo diilirkan,
Gaduh di tongah samo dihipunkan;

Sebatang jalan samo dilalukan,
Sebuah laman samo bermain,
Sebuah pigi samo mandi,
Sebuah jamban samo perulangan;
Sombah pado datuk.

Mako ditengok pulak kato adat:
Nampak'e samo-samo pulak kito beradat;
Sejaman sepengkalan,

Marin, adat kito beratur __ juo;
Sombah kepada datuk

Mako sayo tengok pulak pado datuk:
Kuk puçuk datuk, nak uraikan,
Kuk batang datuk, nak lintangkan,
Kok pantang datuk, nak bilangkan;

Dalam pado itu,
Ado pulak kilat nang memancar,
Kato dusi nang merangkap;
Kalau oso sekato ujung dengan pangkal,
Kato induk dongan bapak,
O, dah oso sekato ujung dongan pangkal,
Mako ditando berupo – rupokanlah,
Yoleh he'eh,

Cincin sebontuk tando muafakat,
Cincin duo bontuk tando berikat,
Janji pun dilabuh.

Lamo janji duo kali tujuh,
Copek janji tujuh hari,
Janji dibuek dimuliokan,
Dalam janji digaduh-gaduhkan,
Sampai janji ditopati.
Kok begitu kedatangan sayo ni menopati janjilah.

Orang Jambi memikat balam,
Pikat mari limo-limo;
Kato'eh budah ni dah berjanji potang malam,
Ompek ari nyalang ke limo.

Kok begitu apolah kato nang tuo di sini pulak?
Lopeh tobek tontulah diungkai,
Lopeh kopor tontulah bertobat,
Lopeh berutang tontulah berbayar.
Kono sobab anak lahir dongan permpuan,
Jalan dokek menuju ke dopan,
Jalan jauh tigo pernamo,
Rondah gunung tinggi harapan sayo kepada datuk juo
yang boleh menerimo,
Bak kato pantun budak-budak:

Keroteh putih surat kabar,
Bungkuh keladi dongan jagung;

Nampak'e ni bokeh'e jo nang bosar,
Harap sayo sampaikan kepado datuk, malam ni juo.

Ni ado pulak pantun orang tuo-tuo:

Bolibih disangko itik
Terobang tinggi turun ke bawah;
Kok berlobih bori ke sayo balik,
Kuk kurang datuk menambah.



- * Disalin oleh Yaakub Idrus, daripada buku tulisan tangan kepunyaan Datuk Has Lihin, Ketua Kampung Titian Bintangor, Buapak suku Tiga Batur. Beliau me daripada Tùturan En. Jani bin Bakir (a.y.) Kg. Sg. Jernih, Lubok China, M Beliau belajar daripada orang tua Khamis Kg. Tiga Bator, Rembau.

PERBILANGAN ADAT MENERIMA CINCIN

(Oleh: NORZALI BIN HI. IBRAHIM)

Awal berpermulaan
akhir berkesudahan
tatkala belum beralun
alam belum beraja
luak belum berpenghulu
adat belum bertentu
bilang belum beratur
pulai berpangkat naik
mendapatkan ruas dengan buku
manusia berjinjang turun
bertangga naik
membincangkan adat dengan pusaknya:
Bulat air tegah dek gopong
bulat kata dek muafakat
dek kata sepakat
gunung nang tinggi sama didaki
lurah yang dalam sama dituruni
hati gajah sama dilapah
hati kuman sama dicecah
ke laut menuju alur
ke darat menuju benar
tak lekang dek panas
dicabut layu dianjak mati

sawan gila luar janji
anak dipanggil makan
anak buah sorong balas
biar mati anak jangan mati adat:
tunang kata adat Datok Perpatih
dalam suku nang duabelas
turun istana menjunjung titah
turun balai menjunjung sabda
turun telapak membawa sembah
susun jari nang sepuluh
angkat sembah pada datuk:
Awal mengaji daripada alif
duduk berbilang daripada esa
hujan turun dari langit
embun setitik menjadi laut
tanah sekepal menjadi gunung
hujan berpohon kata berasa
usul asal, asal kat
kecil nang gedang
tahu kecil pek nang tua
tahu tua pek nang sudah-sudah:
Tatkala buluh bilah ditanam
besi nang berloncing
sezaman puntung berasap
gagak hitam bangau putih
Datuk Patih Pinang sebatang tu
adat sentosa dalam suku nang duabelas

Selilit Pulau Perca

Selembang Tanah Melayu

Bertali ke Siak

Beruan ke Minangkabau

turun ke Gunung Rembau

mengedar ke hulu, gunung nang tinggi

kayu nang besar gaung nang dalam

tempat penternak liar berulang-alik,

Mengedar ke darat

meranti nang bersanggit dahan

tempat ular sampai melampai

tempat siamang menghayun kaki

anak kera bermain catur,

mengedar ke baruh lejang nang lebar

berjalur bak tematang

berlopak bak sawah

tempat rakyat bertanam padi,

mengedar ke hilir air melurut

pasir putih airnya jernih

tempat gala silang seli

tempat perahu hilir mudik

tempat dagang keluar masuk

tempat keling putar memutar

orang Cina timbang menimbang

orang ramai dalam negeri

rama-rama sikumbang janti

Cik dolah bertunggang kuda

patah tumbuh hilang berganti

pusaka tinggal pada yang muda;
saya selakan lutut nang dua,
susun jari nang sepuluh
angkat sembah pada datok:
Alam nang beraja
luak nang berpenghulu
saya misalkan;
Raja berganti Allah
Penghulu berganti Nabi
Raja yang bekerjaan Lembaga
mengadap Undang bernobat
berempat di baruh
nang lima suku berempat di darat
lima nang sembilan
dalam sembilan tua tiga
lembaganya satu
maufakatnya datar, adatnya esa
pusakanya bulat,
Waris nang berpusaka:
ke laut menjadi apung
ke darat menjadi suluh
di tengah menjadi tumpuan
beranak buah pada nang lima
maka ditengok?
lima nang sembilan
hukum tak mengambat
adat tak melintang
boleh disemendakan

apalah syarat semenda menyemenda:
Risik nang berdesus
kilat nang dilayangkan
kata berjawab
jawab tidak, berkata sudah
jawab ia, bertanda rupa
maka menggeleklah cincin;
duduk muafakat ditimbal-balik
oso sekata kata dibalikkan
tak oso sekata cincin dibalikkan
oso sekata janji dibuat
dalam janji gaduh-gaduhi
janji sampai ditepatkan
maka ditengoklah janji,
apalah janji adat?
Dekat janji tiga hari
jauh janji tujuh hari
laun janji dua kali tujuh hari
janji sampai dimuliakan
maka tengoklah dek hari nang sari ni, kok nang jauh sudah dijemput
kok nang dekat sudah dikampungkan
bulatlah dek saya nang seadat
dan orang semenda saya nang seresam
saya menerima
ambil lilin panjang sehasta,
buat pengetuk kepala sembilang;
jikalau kain saya nak eta
kalau duit saya nak bilang.

Kain pelikat kain dibeli,
jahit mari selang-seli;
kalau adat sudah djisi,
pulangkan saja tanda kami.

Catatan: Perbilangan ini adalah hasil tulisan dan ingatan Encik Jidin, Kampung Seberang Batu Hampar, yang saya perolehi dari Penghulu Menteri Encik Mohd Faridun Bin Haji Jonid, Kampung Mulia, Rembau, Besar Dalam Waris Kampung Tanjung, Suku Sedia Raja, Kota.

BIODATA INFORMAN

NAMA : MOHD. NASIR BIN NORDIN

UMUR : 41 TAHUN

JAWATAN : PENGHULU

ALAMAT : KAMPONG MAMPAS
71500 TANJONG IPOH
NEGERI SEMBILAN.

NAMA : MANSOR BIN HJ. DAUD

UMUR : 73 TAHUN

JAWATAN : BUAPAK

ALAMAT : NO. 1, KAMPONG ANGSA BISA
72000 KUALA PILAH
NEGERI SEMBILAN.

NAMA : SULAIMAN BIN KALAM

UMUR : 76 TAHUN

JAWATAN : BUAPAK

ALAMAT : NO. 29, KAMPONG GACHONG
72000 KUALA PILAH
NEGERI SEMBILAN.